AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

# ڤليتا بروني
# PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat


**MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان**

"WAHAI orang-orang yang beriman! Janganlah kamu saling memakan harta sesamamu dengan jalan yang batil (tidak benar), kecuali dalam perdagangan yang berlaku atas dasar suka sama suka di antara kamu. Dan janganlah kamu membunuh dirimu. Sesungguhnya, Allah Maha Penyayang kepadamu".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An-Nisa ayat 29.

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 4.40 | SUBUH 4.50 | SYURUK 6.14 | DUHA 6.38 | ZUHUR 12.27 | ASAR 3.52 | MAGHRIB 6.37 | ISYAK 7.52

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit


TAHUN 68 BILANGAN 82 | 10 JULAI 2023 / 1444 ذوالحجه 21 | JABATAN PENERANGAN | EDISI ISNIN / PERCUMA


# KEBERANGKATAN KEBAWAH DYMM SERIKAN KEJOHANAN POLO AMAL




KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bergambar ramai bersama para pemain dari pasukan Sonic The Hedgehog; pasukan Pacman; pasukan Super Mario, yang masing-masing muncul juara, naib juara dan tempat ketiga pada Kejohanan Polo Amal berkenaan. - Foto : Haji Ariffin Mohd Noor / Morshidi.

**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**

**JERUDONG**, Ahad, 9 Julai. - Kejohanan Polo Amal yang dianjurkan oleh Pasukan Polo Brunei dengan kerjasama Persatuan Polo Diraja Brunei dan Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam berlangsung di Royal Brunei Polo and Riding Club, petang tadi.

Kejohanan polo tersebut diserikan dengan keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan berkenan menyaksikan, seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah-hadiah kejohanan.


**>> Muka 3**


IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH InfoDeptBN

Pelita Brunei | pelitabrunei | pelitabrunei

## Berita Utama



**MEMBACA Al-Quran sempena Hari Keputeraan dilancarkan**


Muka 8




**OPERASI Kelinga dapati beberapa kesalahan**


Muka 12




**MEMPERKENALKAN Makam Kesultanan Brunei kepada generasi muda**


Muka 18




RENCANA

**PAKEJ bantuan PKS, sosial**


Muka 21


# BruHealth perkenalkan ciri Indeks Kesihatan, Penilaian Risiko

**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 8 Julai. - Kementerian Kesihatan kini melancarkan Ciri-ciri Baharu BruHealth iaitu Indeks Kesihatan dan Penilaian Risiko, yang merupakan ciri tambahan baharu di dalam aplikasi BruHealth khusus untuk kegunaan orang ramai di negara ini.


**>> Muka 9**


# Muhasabah diri persediaan hadapi kematian

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 9 Julai. - Muhasabah adalah menilai perbuatan diri sendiri sama ada amalan seharian, pekerjaan seharian atau tingkah laku kita seharian.

Dalam Islam, Muhasabah ini bertujuan untuk memperbaiki hubungan kepada Allah Subhanahu Wata'ala (*Hablumminallah*), hubungan kepada sesama manusia (*Hablumminannas*), serta hubungan dengan diri sendiri (*Habluminannafsi)*.


**>> Muka 6**


# MPC sokong aktiviti hiliran, industri negara

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani**

**MUARA**, Sabtu, 8 Julai. - Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah menjelaskan, Syarikat Pelabuhan Muara Sdn. Bhd. (MPC) komited untuk meningkatkan lagi ketersambungan kepada dunia dengan mempromosikan laluan kapal kontena baharu dari Pelabuhan Muara ke Teluk Beibu.

Yang Berhormat berkata, pelabuhan tersebut melengkapkan visi jangka panjang MPC yang berfungsi sebagai hab di rantau ini dengan mempromosikan pertukaran pengetahuan dengan rakan kongsi dari China dalam perspektif kepakaran industri serta kemajuan teknologi.


**>> Muka 7**

# Dampingkan diri kepada Al-Quran, supaya hati dan dada bersuluh dengan cahaya

**Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**
**Bismillahir Rahmanir Rahim**

**Alhamdulillahi Rabbil 'Alameen, Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyarafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.**

ALHAMDULILLAH, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan inayatNya jua dapatlah kita bersama-sama berkumpul dalam Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Kebangsaan Bagi Tahun 1444 Hijrah bersamaan Tahun 2023 Masihi Kali Ke-65 ini.

Al-Quran adalah petunjuk dan rahmat untuk umat manusia bagi mengeluarkan mereka dari kesesatan ke jalan yang lurus, sebagaimana firman Allah dalam surah Yunus ayat 57, tafsirnya : *"Wahai manusia! Sesungguhnya telah datang kepada kamu (Al-Quran yang menjadi) pengajaran daripada Tuhan kamu dan ubat penyembuh bagi (penyakit) yang ada di dalam dada, dan (juga) petunjuk serta rahmat bagi orang-orang yang beriman".*

Al-Quran menurut ayat ini bukan sahaja untuk jadi pedoman bagi umat Islam, malah untuk manusia seluruhnya. Terpulanglah sama ada orang mahu menerimanya ataupun tidak. Siapa yang mahu menerima akan selamat dan yang tidak mahu akan kekal dalam kesesatan.

Di masa senang dan bahagia, kita diseru supaya bersyukur, dan di masa susah kerana musibah, kita diseru supaya bersabar dan reda terhadap qadak dan qadar Allah.

Ini selaras dengan galakkan menyemai sifat-sifat mahmudah (terpuji) dalam menghadapi sebarang ujian kesusahan, sebagaimana telah kita lalui semasa menghadapi gelombang pandemik COVID-19. Ketika itu kita membanyakkan munajat kepada Allah supaya kekal di bawah perlindunganNya. Alhamdulillah doa kita rasa-rasanya telah pun diperkenankan.

Menyebut perkara doa ini, Beta difahamkan bahawa turut menyangkut ialah hal ehwal pemakanan, sebagaimana Hadis Riwayat Muslim ada menceritakan tentang seorang lelaki yang berjalan jauh sehingga rambutnya tidak terurus, penuh dengan debu, kemudian dia menadahkan tangannya ke langit berdoa : *"Ya Tuhanku! Ya Tuhanku!" Sedang makanan dan minumannya dari yang haram, maka bagaimanakah Allah akan mengabulkan doanya?"*

Jelas dari Hadis ini, hukum makanan adalah wajib halal. Oleh itu Beta sentiasa mengingatkan kepada semua pihak yang diamanahkan untuk memastikan kehalalan makanan supaya bertugas dengan betul, dengan berpandu dan berpegang kuat kepada hukum syarak, bukannya bertolak ansur melonggar-longgarkan hukum.

Orang-orang Islam wajib mematuhi suruhan Allah untuk hanya makan makanan yang halal sahaja, sebagaimana suruhan ini terakam dalam ayat 168 Surah Al-Baqarah, tafsirnya : *"Wahai manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi (makanan) yang halal lagi baik".*

Demikian mengenai doa dan hubungannya dengan makanan halal, seyogia ia ditangani dengan telus, berani dan amanah berpandukan hukum syarak.

Untuk akhirnya, marilah kita sama-sama mendampingkan diri kepada Al-Quran, dengan membaca dan men*tadabbur* ayat-ayatnya, supaya dengan itu hati yang tidur akan jaga dan dada yang gelap akan bersuluh dengan cahaya, InsyaaAllah.

Kepada johan Qari dan Qariah serta juga semua yang berjaya ke Peringkat Akhir Kebangsaan pada tahun ini, Beta tidak lupa merakamkan ucapan tahniah dan selamat maju jaya.

Sekian, *Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah pada Majlis Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan bagi Tahun 1444H / 2023M, pada Khamis malam Jumaat, 18 Zulhijah 1444H bersamaan 6 Julai 2023, bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.**

## WAKTU SEMBAHYANG

| JULAI MASIHI | HARI | ZULHIJAH HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 10 | ISNIN | 21 | 4.40 | 4.50 | 6.14 | 6.38 | 12.27 | 3.52 | 6.37 | 7.52 |
| 11 | SELASA | 22 | 4.40 | 4.50 | 6.14 | 6.38 | 12.27 | 3.52 | 6.37 | 7.53 |
| 12 | RABU | 23 | 4.40 | 4.50 | 6.14 | 6.38 | 12.27 | 3.52 | 6.37 | 7.52 |
| 13 | KHAMIS | 24 | 4.41 | 4.51 | 6.14 | 6.38 | 12.27 | 3.52 | 6.37 | 7.52 |
| 14 | JUMAAT | 25 | 4.41 | 4.51 | 6.15 | 6.39 | 12.27 | 3.52 | 6.38 | 7.52 |
| 15 | SABTU | 26 | 4.41 | 4.51 | 6.15 | 6.39 | 12.27 | 3.52 | 6.38 | 7.52 |
| 16 | AHAD | 27 | 4.41 | 4.51 | 6.15 | 6.39 | 12.27 | 3.52 | 6.38 | 7.52 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | ISNIN | SELASA | RABU |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 30 25 °C | 31 24 °C | 31 24 °C |
| Pekan Bangar | 30 24 °C | 31 24 °C | 31 24 °C |
| Pekan Tutong | 30 25 °C | 31 24 °C | 31 25 °C |
| Kuala Belait | 30 25 °C | 31 24 °C | 31 24 °C |

Wallahualam Bissawab www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG 10 JULAI 2023

### Merokok merbahaya, sayangi keluarga kita

ISLAM melarang perbuatan berbahaya dan memberikan kemudaratan kepada orang lain di persekitarannya, sama ada keluarga, masyarakat secara amnya. Islam juga mengajar kita untuk tidak melakukan sesuatu tindakan yang bukan sahaja membahayakan diri sendiri, bahkan mencetuskan kemudaratan kepada orang lain.

Adapun antara amalan buruk yang boleh memudaratkan kesihatan tubuh badan dan nyawa adalah merokok.

Kemudaratan yang disebabkan oleh rokok telah diakui oleh pakar-pakar kesihatan. Oleh sebab itu, pelbagai usaha telah dibuat oleh pihak yang berkenaan bagi menghindarkan manusia daripada mendapat mudarat yang disebabkan oleh rokok dan merokok.

Perkara tersebut ditegaskan dalam Khutbah Jumaat baru-baru ini yang juga turut menambah, ancaman rokok bukan saja terbatas kepada perokok itu sendiri, iaitu perokok aktif, bahkan ia juga menular kepada orang tidak merokok yang terhidu dengan asap rokok atau lebih dikenali sebagai perokok pasif.

Dalam Al-Quran, Allah Subhanahu Wata'ala menyebutkan larangan ke atas perbuatan mencampakkan diri kepada kebinasaan. Ini berdasarkan firman-Nya dalam surah Al-Baqarah ayat 195 yang bermaksud, *"Dan janganlah kamu mencampakkan (diri kamu) dengan tangan-tangan kamu ke arah kebinasaan".*

Ini menunjukkan peri pentingnya menjaga kesihatan kita daripada kemudaratan merokok.

Selain memberi kemudaratan, merokok juga termasuk dalam perbuatan pembaziran. Di dalam Al-Quran, terdapat larangan yang jelas ke atas perbuatan membazir. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Isra', ayat 26-27 yang bermaksud, *"Dan janganlah kamu membazir. Sesungguhnya golongan yang membazir adalah merupakan saudara syaitan, dan syaitan itu sangat ingkar kepada Tuhannya".*

Membazir adalah membelanjakan rezeki Allah Subhanahu Wata'ala ke arah jalan yang batil lagi maksiat. Perbuatan merokok jelas merupakan suatu bentuk maksiat maka membelinya dianggap sebagai suatu pembaziran.

Berdasarkan pelbagai kajian yang telah dilakukan, wanita dan kanak-kanak antara golongan paling ramai menderita diserang penyakit bahaya kesan daripada pencemaran asap rokok daripada perokok tegar sekitar mereka.

Anak damit dan kanak-kanak yang terdedah kepada asap rokok berisiko mendapat pelbagai jenis penyakit yang merbahaya seperti lelah, jangkitan paru-paru dan bagi wanita yang mengandung juga pula boleh melemahkan kandungan.

Impak berbahaya dari tabiat merokok telah lama dikenal pasti. Berdasarkan maklumat daripada Kementerian Kesihatan, merokok merupakan faktor utama kepada penyakit-penyakit tidak berjangkit seperti kanser, penyakit jantung, strok, kencing manis dan penyakit pernafasan yang kronik.

Oleh itu, kita sebagai masyarakat yang bertanggungjawab mesti menjauhi perkara yang memudaratkan kesihatan kita untuk meneruskan kelangsungan hidup dengan gaya hidup yang sihat. **- Ketua Penyuntingan (Kr)**

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn
دتربيتكن اوليه جابتن ڤنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوليه ڤرينت ڤلس سنديرين برحد، نڬارا بروني دارالسلام
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# Keberangkatan Kebawah DYMM serikan Kejohanan Polo Amal





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menyaksikan Kejohanan Polo Amal yang berlangsung di Royal Brunei Polo and Riding Club, Jerudong. Juga berangkat menyaksikan kejohanan tersebut, paduka-paduka anakanda baginda. Turut berangkat, Yang Amat Mulia Tunku Idris Iskandar Al-Haj ibni Sultan Ibrahim, Tunku Temenggong Johor (kiri). Sementara gambar atas, keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dijunjung oleh Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Basit bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apong.**

**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Azmah Haji Ahad, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Muhammad Khalid Doughty, Muhammad Azim Haji Abu Bakar**

**>> Muka 1**

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dijunjung oleh Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Basit bin Pengiran Datu Penghulu Pengiran Haji Apong.

Juga berangkat menyaksikan kejohanan tersebut, paduka-paduka anakanda dan adinda baginda, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Fadzilah Lubabul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah; dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna.

Turut berangkat, Yang Amat Mulia Tunku Idris Iskandar Al-Haj ibni Sultan Ibrahim, Tunku Temenggong Johor.

Kejohanan amal pada kali ini menyaksikan tiga pasukan berentap bagi merebut trofi kemenangan, terdiri daripada pasukan Sonic The Hedgehog, yang diketuai oleh paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

**>> Muka 4**





**ANTARA aksi menarik pasukan Sonic The Hedgehog yang diketuai oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen semasa menentang pasukan Super Mario yang diterajui Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah (atas) dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah menerajui pasukan Pacman semasa menentang pasukan Super Mario (kiri).**





**ORANG ramai tidak melepaskan peluang menyaksikan Kejohanan Polo Amal yang berlangsung di Royal Brunei Polo and Riding Club dan persembahan menarik daripada warga Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam juga menyerikan acara tersebut (atas dan kanan).**





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyempurnakan penyampaian hadiah kepada paduka-paduka anakanda dan adinda baginda, DYTM Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen yang mengetuai pasukan Sonic The Hedgehog dan DYTM Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah yang menyertai pasukan Pacman (kiri dan kanan).**

**>> Muka 3**

Sementara pasukan Pacman disertai oleh paduka adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Manakala, berkenan menyertai pasukan Super Mario ialah puteri baginda, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah.

Turut menyertai pasukan Pacman, anakanda DYTM Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Bahar dan anakanda YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Abdul 'Ali Yil-Kabier bin Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz.

Pada perlawanan tersebut, pasukan Sonic The Hedgehog berjaya menjulang trofi kejohanan setelah berjaya mengalahkan pasukan Pacman dan Super Mario, masing-masing dalam dua *chukka* perlawanan.

Pada perlawanan pertama, menyaksikan pasukan Sonic The Hedgehog menewaskan pasukan Pacman dengan kiraan 1 - 0, manakala dalam perlawanan kedua, pasukan Super Mario tewas kepada pasukan Sonic The Hedgehog dengan kiraan 2 - 1.

Kemudian pada perlawanan ketiga, menyaksikan pasukan Pacman mengalahkan pasukan Super Mario dengan kiraan 4 - 3.

Dengan keputusan tersebut, pasukan Pacman berada di tempat kedua kejohanan dan tempat ketiga diraih oleh pasukan Super Mario.

**>> Muka 5**





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyempurnakan penyampaian hadiah kepada anakanda baginda, YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri 'Azemah Ni'matul Bolkiah yang menyertai pasukan Super Mario dan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Bahar yang menyertai pasukan Pacman (kiri dan kanan).**





**SUASANA di sekitar Kejohanan Polo Amal yang dianjurkan oleh Pasukan Polo Brunei dengan kerjasama Persatuan Polo Diraja Brunei dan Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam berlangsung di Royal Brunei Polo and Riding Club (kiri dan atas).**





**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan berangkat menyaksikan Kejohanan Polo Amal yang berlangsung di Royal Brunei Polo and Riding Club, Jerudong (atas dan kanan).**

**>> Muka 4**

Kejohanan Polo Amal 2023 yang dianjurkan pada kali ini juga turut dimeriahkan dengan karnival, disertai oleh pengusaha-pengusaha jualan makanan dan minuman tempatan, di samping pelbagai Aktiviti Fun Game untuk disertai oleh para pengunjung yang membanjiri acara tersebut sejak dari jam 12.00 tengah hari lagi.

Dalam masa yang sama, para pengunjung turut dihiburkan dengan beberapa persembahan menarik daripada warga Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam serta perlawanan Royal Brunei Polo Junior Academy Challenge antara pasukan Biru dan pasukan Merah yang berakhir dengan kemenangan berpihak kepada pasukan Biru.

Selain itu, kejohanan tersebut juga dimeriahkan lagi dengan cabutan nombor bertuah bagi pemegang-pemegang tiket yang berpeluang memenangi pelbagai hadiah eksklusif dan menarik yang disediakan oleh pihak penganjur.

Kesemua hasil kutipan pada Kejohanan Polo Amal 2023 ini nanti akan disalurkan sepenuhnya ke Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam untuk dimanfaatkan oleh warga serta orang-orang berkeperluan khas, dalam menjalani kehidupan seharian mereka.

Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam terus komited dalam meningkatkan lagi kualiti kehidupan orang-orang berkeperluan khas di negara ini, terutamanya kepada kanak-kanak istimewa di bawah jagaan pusat berkenaan.

Sebagai sebuah pertubuhan kebajikan amal bukan kerajaan, pusat berkenaan juga membimbing orang-orang muda, melatih dan mendidik mereka ke arah pembelajaran, kebebasan serta saling berdikari, dengan hasil pembangunan mental dan fizikal diri serta membantu mereka untuk menyesuaikan diri dalam kalangan keluarga mereka dan masyarakat sosial.



**KEBAWAH DYMM berkenan menyempurnakan penyampaian trofi kejohanan kepada paduka anakanda baginda, DYTM Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen yang mengetuai pasukan Sonic The Hedgehog.**




**KEBAWAH DYMM berkenan bergambar ramai bersama pasukan Biru dan pasukan Merah yang menyertai Royal Brunei Polo Junior Academy Challenge.**

PELITA BRUNEI

# MUHASABAH DIRI PERSEDIAAN HADAPI KEMATIAN




YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama antara yang hadir pada Malam Munajat berkenaan.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

**>> Muka 1**

Kepentingan Muhasabah dalam memperbaiki diri adalah bagi kita mempersiapkan diri kita untuk menghadapi kematian.

Perkara tersebut antara yang telah disampaikan di dalam Tazkirah bertajuk 'Muhasabah Dalam Memperbaiki Diri' oleh Pegawai Ugama, Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Belait, Awang Arif Fakhrullah bin A. Ramlee, dari Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait bagi menyemarakkan Malam Munajat kali ke-93 anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).

Acara Munajat malam semalam turut mengundang tetamu khas, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed dari Masjid Pengiran Muda Abdul Mateen, Kampung Mulaut, yang juga memimpin bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah.

Turut menyertai Malam Munajat tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman.

Mengimarahkan lagi acara munajat semalam ialah penuntut dan pegawai dari Pejabat Kedutaan Negara Brunei Darussalam di Republik Arab Mesir; Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir dan jemaah Masjid Pengiran Muda Abdul Mateen, Kampung Mulaut dan Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait, belia dan jemaah Balai Ibadat Kampung Mata-Mata, Gadong.

Turut meramai-ramaikan ialah para jemaah daripada 91 buah masjid termasuk surau serta balai ibadat seluruh Negara, dan juga warga KHEU dan Jabatan-jabatan di bawahnya bersama keluarga dari kediaman masing-masing.

Selepas bacaan Sayyidul Istighfar dan Al-Fatihah, diteruskan dengan bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai yang dipimpin oleh Pegawai Pelajaran, Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam, Kampung Mulaut, Awang Haji Mohd Malek Faishal bin Haji Saili, dari Bilik Ibadat Sekolah Ugama Pengiran Muda Abdul Malik, Kampung Bengkurong.

Kemudian diikuti Doa Munajat dibacakan oleh Ataci Pelajaran dan Kebudayaan, Pejabat Kedutaan Negara Brunei Darussalam di Republik Arab Mesir, Awang Haji Mohd Sujairi bin Haji Dollah dari Bangunan An-Nur, Republik Arab Mesir.

Sejurus selesai Tazkirah, Bacaan Selawat Tafrijiyyah dipimpin oleh Belia Balai Ibadat Kampung Mata-Mata Gadong, Awang Mohd Haziq Waqiuddin bin Mohd Zaidi, dari Balai Ibadat Kampung Mata-Mata Gadong, Kampung Mata-Mata.

Bagi memberkati acara Munajat, bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Jabatan Hal Ehwal Masjid, KHEU, Awang Haji Khairul Nizam bin Haji Mohd Said, dari Masjid Pengiran Muda Abdul Mateen, Kampung Mulaut.

Malam Munajat mengajak orang ramai melipatgandakan amalan kerohanian dengan membaca ayat-ayat suci Al-Quran, berdoa, berzikir dan beristighfar, semata-mata untuk memohon keampunan, perlindungan, rahmat dan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Di samping itu, berdoa agar rakyat dan Negara Brunei Darussalam sentiasa terpelihara dari sebarang musibah yang tidak diingini dan berjaya membendung penularan penyakit merbahaya seperti COVID-19.

Orang ramai sangat dialu-alukan untuk menyertai Malam Munajat dari mana jua berada pada setiap hari Sabtu (malam Ahad) dengan melayari pautan *http://tiny.cc/munajatkheu* atau *https://www.facebook.com/pdi.kheu/*.

# Penerbangan terakhir jemaah haji negara selamat tiba



**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Khalid Doughty**



**KETIBAAN jemaah haji dialu-alukan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Datin; Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II; dan Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan Datin (kiri dan atas). Sementara gambar bawah, Doa Selamat dibacakan oleh Pegawai Pemantau Zon 2, Masjid Daerah Brunei Muara, Awang Haji Mohd. Azrol Alim bin Haji Zaini.**

**BERAKAS**, Sabtu, 8 Julai. - Seramai 252 jemaah haji termasuk Pegawai Pejabat Urusan Jemaah Haji Negara Brunei Darussalam Perubatan dan Pegawai Syarikat Darussalam Service Sdn. Bhd. bagi kumpulan keempat iaitu kumpulan terakhir selamat kembali ke tanah air.

Para jemaah haji selamat mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas pada sekitar jam 8.30 pagi dengan kehadiran ahli keluarga dan saudara mara yang tidak sabar untuk menanti kepulangan orang tersayang.

Ketibaan jemaah haji di Balai Ketibaan LTAB dialu-alukan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan Datin; dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB).

Juga hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan dan Datin; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kerajaan Arab Saudi ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Emad bin Abdul Aziz Al-Muhanna; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Setiausaha Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Ir. Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) KHEU, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang; serta Ahli-ahli Jemaah Penasihat Haji, pengarah-pengarah dan para pegawai kanan KHEU serta Pengarah-pengarah Urusan Syarikat Pengendali Pakej Haji.



Bagi memberkati kepulangan jemaah haji, Doa Selamat telah dibacakan oleh Pegawai Pemantau Zon 2, Masjid Daerah Brunei Muara, Awang Haji Mohd. Azrol Alim bin Haji Zaini.

# MPC SOKONG AKTIVITI HILIRAN, INDUSTRI NEGARA



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II semasa menyampaikan ucapan alu-aluan.

>> Muka 1

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas, Muhammad Azim Haji Abu Bakar

Terdahulu Yang Berhormat yang juga selaku Pengerusi MPC menjelaskan, kedua-dua negara telah lama berkongsi ikatan persahabatan dan kerjasama yang kukuh dan berdaya tahan.

"Diperkukuhkan lagi dengan penubuhan Koridor Ekonomi Brunei-Guangxi (BGEC) pada September 2014, koridor ekonomi berfungsi sebagai pintu masuk contoh bagi kedua-dua negara untuk bekerjasama dan mewujudkan aktiviti perniagaan sinergi, menyemai momentum baharu ke dalam Belt and Road Initiative dan memajukan Wawasan Brunei 2035," ujar Yang Berhormat semasa Perasmian Maiden Vessel Call Pertama berlangsung di Pelabuhan Muara, di sini.

Menurut Yang Berhormat, MPC sebagai usaha sama antara Darussalam Assets Sdn. Bhd., Brunei dan China's Guangxi, Beibu Gulf Holding (Hong Kong) Co. Ltd, ditempatkan secara strategik di Kawasan Pertumbuhan ASEAN Timur - Negara Brunei Darussalam (NBD) - Indonesia - Malaysia - Filipina (BIMP-EAGA).

Jelas Yang Berhormat, wilayah BIMP-EAGA merangkumi kawasan tanah seluas 1.6 juta km persegi dan merupakan kediaman kepada populasi 57.5 juta orang.

Kesimpulannya BIMP-EAGA, tambah Yang Berhormat, Pelabuhan Muara mampu memudahkan perdagangan antara wilayah ini dan barat China melalui Koridor Perdagangan Laut Darat Antarabangsa.

"MPC berkembang melangkaui pengendalian kargo dan hingga kini terlibat dalam aktiviti berkaitan pelabuhan yang menyokong aktiviti hiliran dan industri lain di negara ini," ujar Yang Berhormat.

Pada tahun 2021 jelasnya lagi, MPC menubuhkan anak syarikat yang dipanggil Muara International Fish Landing Sdn. Bhd. (MIFL) yang ditubuhkan dengan objektif untuk menarik lebih banyak pelaburan asing dan mempromosikan akuakultur berskala besar bagi memastikan pertumbuhan stabil hasil tangkapan Brunei.

Yang Berhormat menambah, MPC juga merancang untuk membawa masuk lebih banyak kilang pemprosesan ke Pusat Pendaratan Ikan, mengumpulkan sumber ikan dari wilayah BIMP-EAGA ke NBD untuk diproses dan menjadikan NBD sebagai pusat pemprosesan serantau.

Tambah Yang Berhormat, matlamat akhir adalah untuk membina industri ikan berorientasikan eksport dengan rantaian industri yang lengkap.

Pada tahun 2022, jelas Yang Berhormat lagi, MPC menandatangani perjanjian dengan Brunei Fertilizer Industries Sdn. Bhd. (BFI) bagi projek bersama yang berkaitan dengan pengeksportan urea terbesar di NBD.

Tambah Yang Berhormat, usaha itu melengkapkan hasrat Brunei untuk mempelbagaikan ekonominya melangkaui Sektor Minyak dan Gas dan selaras dengan Wawasan Brunei 2035.

"Untuk mewujudkan peningkatan kecekapan dalam produktiviti pengendalian pelabuhan, dan memenuhi jangkaan peningkatan dalam daya pemprosesan, terminal dan kapasiti pelabuhan, MPC sedang memulakan pelan pembesaran untuk Terminal Kontena Muara (MCT); langkah seterusnya yang perlu untuk penambahbaikan industri dan penting untuk jangkaan pertumbuhan dalam import dan eksport kargo daripada pembangunan perdagangan yang dilaksanakan dalam platform ini," ujar Yang Berhormat.

Jelas Yang Berhormat lagi, pembesaran itu dijangka siap menjelang 2025 sebagai penyelesaian untuk memudahkan unjuran peningkatan jumlah daripada industri tempatan dan kargo antarabangsa.

Yang Berhormat berkata, terminal yang diperluaskan juga dijangka dapat memuatkan kapal yang lebih besar pada kapasiti terminal dua kali ganda dan projek itu selaras dengan matlamat MPC untuk menjadi hab logistik antarabangsa.

## Pembukaan laluan ekonomi, kukuhkan hubungan NBD-China




YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, selaku Pengerusi Syarikat Pelabuhan Muara Sdn. Bhd; Yang Berhormat Menteri Pembangunan; Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi; dan Yang Mulia Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi) serta Puan Yang Terutama Executive Vice Governor of the Guangxi Zhuang Autonomous Region semasa Perasmian Maiden Vessel Call Pertama dari Pelabuhan Muara, Negara Brunei Darussalam ke Pelabuhan Teluk Beibu China.



YANG Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II dan Puan Yang Terutama Executive Vice Governor of the Guangxi Zhuang Autonomous Region semasa melancarkan 'Muara Port Gallery of Achievements bertempat di Cruise Ship Centre'.

**MUARA,** Sabtu, 8 Julai. - Syarikat Pelabuhan Muara Sdn. Bhd. (MPC) hari ini melakar sejarah dengan Perasmian Maiden Vessel Call Pertama dari Pelabuhan Muara, Negara Brunei Darussalam (NBD) ke Pelabuhan Teluk Beibu China.

Pelayaran kapal kontena tersebut menandakan pembukaan laluan ekonomi baharu bagi mengukuhkan lagi hubungan antara NBD dan China.

Pengenalan laluan perkapalan baharu itu akan menyumbang manfaat ekonomi yang bermakna bagi kedua-dua negara yang selaras dengan aspirasi inisiatif Koridor Ekonomi Brunei-Guangxi.

Sehubungan itu, hadir dan seterusnya merasmikan kapal tersebut yang berlangsung di Pelabuhan Muara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, selaku Pengerusi Syarikat Pelabuhan Muara Sdn. Bhd.; Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid; Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha; dan Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid.

Juga hadir, Executive Vice Governor of the Guangxi Zhuang Autonomous Region, Puan Yang Terutama Cai Lixin; Deputy Secretary of the People's Government of Guangxi Zhuang Autonomous Region, Lu Xinhua; Deputy Director General of Guangxi Development and Reform Commission, Nong Bing; Deputy Director General of Guangxi Foreign Affairs Office, Wei Yu; Duta Besar Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Xiao Jianguo; dan Chairman of Guangxi Beibu Gulf International Port Group Co. Ltd,Li Yanqiang serta pegawai-pegawai kerajaan, Brunei Belt & Road Association, dewan-dewan perniagaan, institusi-institusi kewangan, pihak-pihak berkepentingan MPC, pengurusan dan kakitangan.

Pelayaran kontena pertama bermula pada 27 April 2023 yang berlepas dari Muara ke Hong Kong dan ke Qinzhou sebelum kembali ke Muara melalui Bintulu. Pada awalnya perkhidmatan dijalankan sekali setiap bulan dan perkhidmatan akan dipergiatkan kepada dua kali sebulan atas peningkatan jumlah dan permintaan.

Penghantaran dari NBD ke Pelabuhan Qinzhou termasuk hirisan udang, tembikai kasturi, makanan laut yang diproses dari Kompleks Pendaratan Ikan serta kargo dari Hengyi Industries Sdn. Bhd.

Setiap pelayaran mengambil masa enam hari, penyediaan perkhidmatan itu dihasrat akan menarik perhatian China-kargo dari wilayah BIMP-EAGA ke NBD.

Pelayaran dari Pelabuhan Qinzhou ke NBD dan Timur Malaysia mengambil masa sehingga tujuh hari dan mengangkut produk pertanian Guangxi seperti buah-buahan dan sayur-sayuran segar, yang dimuatkan terus dari Pelabuhan Qinzhou ke Pelabuhan Muara.

Sejurus Perasmian Maiden Vessel Call Pertama, Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II dan Puan Yang Terutama Cai Lixin kemudian melancarkan Muara Port Gallery of Achievements bertempat di Cruise Ship Centre.

Galeri tersebut mempamerkan perkembangan Pelabuhan Muara dari 1970 hingga sekarang yang tertumpu kepada pencapaian dan perkembangan termasuk daya pengeluaran pelabuhan, pendapatan operasi dan penciptaan peluang pekerjaan.

Bahagian pembangunan masa depan turut mempamerkan cadangan memperluaskan terminal kontena baharu dan rancangan lanjut mengenai laluan antara Pelabuhan Teluk Beibu dan Pelabuhan Muara.

Acara tersebut merupakan peristiwa penting dalam sejarah hubungan Brunei-China, mempamerkan potensi kerjasama ekonomi dan pertumbuhan antara kedua-dua negara.

Kesalinghubungan yang difasilitasi oleh Pelabuhan Muara itu juga akan menyediakan peluang menarik untuk perdagangan dan pelaburan yang akan memberi manfaat kepada kedua-dua negara dan menggalak-kan pembangunan ekonomi serantaunya yang menghubung-kan BIMP-EAGA ke China melalui Pelabuhan Muara.

PELITA BRUNEI

# MEMBACA AL-QURAN SEMPENA HARI KEPUTERAAN DILANCARKAN



Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



**HADIR selaku tetamu khas majlis ialah Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong, yang juga merupakan Mantan penuntut PTE Jalan Muara 1975-1978 (kiri). sementara gambar kanan, antara yang hadir pada majlis tersebut.**

**KILANAS**, Ahad, 9 Julai. - Sebagai menzahirkan rasa kasih sayang ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Mantan Penuntut-penuntut Pusat Tingkatan Enam (PTE) Jalan Muara 1975 -1978 petang tadi mengadakan Majlis Pelancaran Membaca Al-Quran sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan baginda Ke-77 Tahun.

Majlis berlangsung di Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Jalan Bebatik Kilanas, Mukim Kilanas di sini.

Program tahunan yang diungkayahkan oleh Mantan Penuntut-penuntut PTE Kali Ke-4 itu, adalah sebagai cetusan wacana taat setia yang tidak berbelah bahagi ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai seorang raja, pemimpin tertinggi negara yang prihatin, pemedulian dan berjiwa rakyat.

Hadir selaku tetamu khas majlis ialah Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Haji Apong, yang juga merupakan mantan penuntut PTE Jalan Muara 1975-1978.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai yang dikepalai oleh tetamu khas dan seterusnya disusuli dengan bacaan Selawat Tafrijiyyah beramai-ramai dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, Awang Rozisham bin Haji Chuchu.

Kemudian diikuti dengan bacaan pelancaran dari Surah Al-Baqarah, ayat 1 hingga 25 secara beramai-ramai yang dipimpin bersama oleh Awang Haji Yakub bin Haji Yusof dan Pengiran Haji Yunos bin Pengiran Haji Salleh.

Selepas itu, bacaan Sayyidul Istighfar beramai-ramai juga dipimpin oleh Awang Rozisham.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dan Doa Kesyukuran Khas Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam serta Doa Memohon Perlindungan Allah dari wabak COVID-19 oleh Awang Rozisham.

Kira-kira 60 orang jemputan terdiri dari lepasan penuntut-penuntut lelaki dan perempuan PTE Jalan Muara 1975-1978 menghadiri majlis berkenaan.

Sebagai rekod, Mantan Penuntut PTE telah menubuhkan kumpulan yang dikenali PTE Klasik Jalan Muara 1975-1978 pada tahun 2013.

Sejak 10 tahun tertubuhnya kumpulan itu, kumpulan berkenaan telah bergerak secara aktif terutama sekali dalam menganjurkan majlis yang menjurus dan berorientasikan kepada keagamaan.

Antaranya ialah Majlis-majlis Khatam Al-Quran di rumah-rumah persendirian warga PTE Klasik, Majlis 100 Kali Khatam Al-Quran PTE Klasik sempena Maulidur Rasul pada 25 November 2018; Majlis Pelancaran Memulakan Bacaan Al-Quran Sempena Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-73 Tahun pada 31 Mac 2019; Majlis Khatam Al-Quran pada 21 Ogos 2019 Sempena Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-73 Tahun; Majlis Dikir Sempena Maulidur Rasul pada 4 November 2020; Majlis Khatam Al-Quran Kali Ke 126 pada 26 Disember 2020; Majlis Pelancaran Al-Quran Sempena Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-75 Tahun pada 10 April 2021; Majlis Pelancaran dan Khatam Al-Quran Sempena Hari Keputeraan Baginda Ke-76 Tahun iaitu masing-masing pada 20 Julai 2022 dan 18 September 2022.

Menurut Setiausaha Bersama Majlis, Awang Haji Ja'afar bin Haji Ibrahim, program tahunan yang dianjurkan itu adalah hasil kesepakatan dan permuafakatan Ahli-ahli Jawatankuasa Ad Hoc PTE Klasik Jalan Muara 1975-1978.

"AJK Ad Hoc PTE Klasik ini terpanggil pada setiap tahun bagi mengungkayahkan majlis yang berkebajikan lagi penuh barakah, sebagai rasa kasih sayang dan taat setia yang tidak berbelah bahagi ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Hari Keputeraan baginda saban tahun," jelas beliau lagi.

# MPM Keriam anjur Jalinan Kasih Mesra Abadi



Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

**TUTONG**, Ahad, 9 Julai. - Majlis Perundingan Mukim (MPM) Keriam menganjurkan Majlis Silaturahim sempena Hari Raya Aidiladha 'Jalinan Kasih Mesra Abadi' 1444 Hijrah / 2023 Masihi yang berlangsung di Dewan Serbaguna Serambangun, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Mohammad Sofian bin Haji Basri.

Majlis yang diungkayahkan oleh bekas ahli MPM Keriam itu dimulakan dengan penyerahan rehal wakaf ke masjid-masjid Mukim Keriam dan diteruskan dengan penyampaian derma kepada anak-anak yatim Daerah Tutong yang kemudiannya disusuli dengan penyerahan wang Tabung Dana Pembinaan Masjid yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Bagi menyerikan majlis, beberapa persembahan keagamaan juga dipersembahkan oleh ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung Keriam, iaitu persembahan Asmaul Husna, Selawat Badariyah dan deklamasi sajak 'Jalinan Kasih Mesra Abadi'.

**MAJLIS Perundingan Mukim Kiudang menganjurkan Majlis Silaturahim sempena Hari Raya Aidiladha 'Jalinan Kasih Mesra Abadi' 1444 Hijrah / 2023 Masihi yang berlangsung di Dewan Serbaguna Serambangun.**



Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman, Mohammad Nor Azlyn Ibrahim

# BruHealth perkenalkan ciri Indeks Kesihatan, Penilaian Risiko

>> Muka 1

Semasa sidang media yang berlangsung di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan petang tadi, Pakar Bedah Ortopedik di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), Pengiran Noor Azmi bin Pengiran Dato Seri Setia Dr Haji Mohammad selaku Ketua Bersama Pegawai Maklumat Perubatan menerangkan berkenaan Indeks Kesihatan iaitu alat digital pada aplikasi BruHealth yang membolehkan pengguna untuk menyumbang maklumat mengenai status kesihatan mereka dengan menggabungkan data daripada rekod kesihatan elektronik dan soal selidik yang dilaporkan sendiri dalam domain kesihatan masing-masing yang menyumbang kepada kesejahteraan keseluruhan individu.

Menurutnya, Indeks Kesihatan mengambil kira demografi asas, gaya hidup, kesihatan fizikal, kesihatan mental, diet dan aktiviti fizikal.

"Individu yang telah menyelesaikan dan memperoleh Indeks Kesihatan mereka akan distratifikasikan kepada tiga kategori iaitu Sihat; Berisiko; dan Kurang Memuaskan.

"Mereka akan diberikan nasihat dan cadangan kesihatan peribadi berdasarkan status kesihatan semasa," katanya.





**KONSULTAN, Ketua Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Asasi, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan, Dr. Haji Zulhilmi bin Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Haji Abdullah pada sidang media yang berlangsung di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan (kiri). Sementara gambar kanan, antara yang hadir pada sidang media tersebut.**

Sementara itu, Konsultan, Ketua Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Asasi, Jabatan Perkhidmatan Kesihatan, Dr. Haji Zulhilmi bin Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Seri Setia Haji Abdullah selaku Ketua Bersama Pegawai Maklumat Perubatan turut menjelaskan, Penilaian Risiko ialah alat pemeriksaan kesihatan digital ke atas BruHealth yang dibangunkan untuk Program Pemeriksaan Kesihatan Kebangsaan.

Katanya, ia adalah berdasarkan kepada Garis Panduan Pemeriksaan Kementerian Kesihatan mengenai Penyakit Tidak Berjangkit (NCD) - Edisi November 2019.

"Menurut garis panduan kebangsaan, semua orang dewasa berumur 40 tahun ke atas disyorkan untuk Pemeriksaan Risiko Kardiovaskular tahunan.

"Semua orang dewasa berumur 50 tahun ke atas disyorkan bagi Ujian Stool FIT untuk Pemeriksaan Kanser Colorectal setiap dua tahun," tambahnya.

Di aplikasi BruHealth, orang ramai boleh menjawab soal selidik saringan untuk menentukan sama ada pemeriksaan disyorkan berdasarkan jawapan yang diberikan.

Jika awda disyorkan untuk membuat pemeriksaan, awda boleh menempah terus temu janji saringan menggunakan aplikasi.

Sementara itu, jika awda disyorkan untuk membuat pemeriksaan bagi kedua-dua Risiko Kardiovaskular dan Kanser Colorektal, awda boleh membuat saringan untuk kedua-dua penyakit tersebut dalam satu temu janji (bayaran sekali sahaja).

Pemilihan slot temu janji, pembayaran dan pengesahan tempahan boleh dibuat di BruHealth dan tiada pembayaran secara fizikal di pusat kesihatan.

Juga hadir, Pemangku Pengarah Teknologi Penjagaan Kesihatan, Awang Rudy bin Haji Harun.

---

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Alisahrin Haji Momin

# PERKASAKAN MASYARAKAT DENGAN ILMU TEKNOLOGI



**IR. Dr Ahmad Azlan bin Ab Aziz ketika menyampaikan ucapan alu-aluan.**

**TUNGKU**, Ahad, 9 Julai. - Universiti Teknologi Brunei (UTB) menganjurkan Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Robotik dan Pengkodan 2023 (Robotic and Coding Conquest Competition 2023), sempena Pameran dan Persidangan Pertengahan Tahun Brunei 2023 (MYCE) yang berlangsung di Teater Kuliah 2 universiti berkenaan, petang tadi.

Terdahulu majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Ir. Dr. Ahmad Azlan bin Ab Aziz dan tayangan video.

Hadir selaku tetamu kehormat, Pemangku Naib Canselor UTB, Dr. Saiful bin Haji Omar.

Acara kemudiannya diteruskan dengan penyampaian sijil penghargaan kepada para penaja termasuk Rhymin and Partners Coaching and Consultancy, dan Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD); serta rakan kongsi teknikal termasuk Makmal Tenaga Seria (SEL) dan Sistem Sumber Teknologi, dan hakim-hakim teknikal.

Penyampaian sijil penghargaan turut diberikan kepada para fasilitator yang memainkan peranan penting dalam acara tersebut.

Diikuti dengan penyempurnaan penyampaian hadiah oleh tetamu kehormat kepada pemenang Machine Learning Hackathon, IOT Smart Hackaton, dan Pertandingan Robotik VEX EDR.

Tempat pertama dalam Machine Learning Hackathon dianugerahkan kepada Mohammad Faiz bin Haji Sufrikhan, diikuti oleh Mohammed Shameer di tempat kedua dan Mohd Muqri Izuddin bin Haji Md Jamil di tempat ketiga.

Bagi IOT Smart Hackathon, Jerryann Yong Ann Qiao mendapat tempat pertama, manakala Muhammad Fauzan Ho bin Muhammad Johari Ho menduduki tempat kedua dan Nur Farzana Saiful Azmi dan Abdul Wazif bin Ja'afaruddin masing-masing mendapat tempat ketiga dan keempat.

Bagi Pertandingan Robotik pula, pemenang tempat pertama ialah pasukan Durian manakala tempat kedua, ketiga dan keempat masing-masing dimenangi oleh StarScream, DynoVEX dan Green Shark.

Majlis diakhiri dengan lawatan ke arena pertandingan Robotik yang terletak di bangunan Kejuruteraan Awam, fasa 3 universiti tersebut yang mempamerkan pencapaian luar biasa para peserta.

Pertandingan Pengekodan Robotik 2023 menghimpunkan satu siri pertandingan yang luar biasa, menampilkan tiga kategori berbeza yang menyerlahkan teknologi 4IR.

Dalam Kategori Pendidikan Tinggi, ialah Pembelajaran Mesin dan IOT Smart Home Hackathon. Kategori tersebut menyediakan peserta dengan platform untuk menunjukkan kemahiran menyelesaikan masalah dan idea inovatif mereka.

Dalam Pendidikan Menengah, Pertandingan Robotik VEX EDR mengambil bahagian, di mana dalam kategori ini, memberi peluang kepada jurutera generasi akan datang mempamerkan keupayaan kejuruteraan, kemahiran pengaturcaraan dan kerja berpasukan mereka dalam cabaran menawan robot yang bertarung untuk memperoleh mata tertinggi.

Pertandingan itu menampilkan peserta daripada institusi berprestij seperti Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Sekolah Menengah Awang Semaun, dan Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha.

Kerjasama antara UTB, sekolah-sekolah dan rakan kongsi industri ini, mencerminkan komitmen mereka untuk memupuk bakat dan menyediakan peluang kepada para pelajar daripada pelbagai latar belakang pendidikan.

Antara objektif utama acara pertandingan adalah untuk menyediakan pelajar dan peminat pendidikan teknikal yang berkualiti dan pengalaman pembelajaran secara langsung.

Dengan tema 'Merakyatkan Teknologi' atau 'Memanfaatkan Teknologi untuk Semua', program itu bertujuan untuk



**PEMANGKU Naib Canselor UTB menyampaikan hadiah kepada pemenang tempat kedua dalam Machine Learning Hackathon, Mohammed Shameer (atas). Sementara gambar bawah, antara yang hadir.**

mendemokrasikan akses kepada teknologi dan memperkasakan individu di semua peringkat pendidikan.

Selain daripada pemindahan ilmu, acara ini juga bertujuan untuk memupuk bakal pemimpin dalam bidang masing-masing.

Dengan melengkapkan pelajar dengan kemahiran yang diperlukan, ia menyediakan mereka untuk menyumbang kepada masyarakat dan menjana pendapatan melalui kepakaran mereka, mewujudkan laluan yang mampan untuk pertumbuhan peribadi dan kemajuan masyarakat.



# MD. NUR 'ALIM, ALYA FATHIYYAH JOHAN QARI, QARIAH PERTANDINGAN TILAWAH AL-QURAN





**PEMANGKU Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Jabatan Pendidikan Kokurikulum (JPKK), Kementerian Pendidikan, Awang Julaihi bin Mohamad/Mohamat menyampaikan hadiah kepada Md. Nur'Alim bin Abdullah Nordin, johan qari pada Peringkat Akhir Pertandingan Tilawah Al-Quran bagi Sekolah-sekolah Menengah dan Maktab-maktab Senegara Kali Ke-38 Tahun 1444 Hijrah/ 2023 Masihi (kiri) manakala gambar kanan, tetamu kehormat semasa bergambar ramai bersama para pemenang.**

**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Azmah Haji Ahad**

**BERAKAS**, Sabtu, 8 Julai. - Md. Nur 'Alim bin Abdullah Nordin dari Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan Alya Fathiyyah binti Haji Abdul Rajid dari Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha masing-masing muncul johan qari dan qariah dalam Peringkat Akhir Pertandingan Tilawah Al-Quran bagi Sekolah-sekolah Menengah dan Maktab-maktab Senegara Kali Ke-38 Tahun 1444 Hijrah / 2023 Masihi, yang berlangsung di Dewan Auditorium, Jabatan Penerangan.

Md. Nur 'Alim memperoleh markah sebanyak 87.75 peratus manakala Alya Fathiyyah, 84.5 peratus.

Naib johan masing-masing disandang oleh Md. Fauzan Syahraimi bin Haji Md. Aslenan dari Sekolah Menengah Sayyidina Husain dan Majdah Al-Zahraa binti Zawawi dari Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Sementara, Awangku Luqman 'Amri Al-Hakeem bin Pengiran Asmali @ Pengiran Ali Shafie dan Rindiana binti Rozali masing-masing memenangi tempat ketiga

Hadiah-hadiah dan sijil kepada para pemenang disampaikan Pemangku Pengarah Pendidikan Kokurikulum, Jabatan Pendidikan Kokurikulum (JPKK), Kementerian Pendidikan, Awang Julaihi bin Mohamad/Mohamat, selaku tetamu kehormat

Seramai 19 peserta lelaki dan 10 peserta perempuan telah bertanding di peringkat saringan dan hanya empat orang dengan markah tertinggi daripada setiap kategori berjaya mara ke peringkat akhir.

Pertandingan ini mempunyai dua peringkat iaitu Peringkat Saringan serta Peringkat Akhir dan dijalankan secara hibrid.

Pada peringkat saringan, para peserta telah menghantar video persembahan bacaan secara dalam talian untuk dihakimi, manakala peringkat akhir dilaksanakan secara bersemuka.

Pertandingan anjuran Kementerian Pendidikan melalui Bahagian Kegiatan Kerohanian, JPKK ini antara lain bertujuan untuk melahirkan generasi yang celik Al-Quran serta melahirkan lebih ramai qari dan qariah dalam kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah dan maktab di Negara Brunei Darussalam.

Di samping itu, pertandingan berkenaan dihasratkan untuk meningkatkan mutu bacaan Al-Quran para pelajar dengan lebih lancar dan sempurna serta menggalakkan lebih ramai pelajar menyertai kegiatan bercorak keagamaan dalam usaha untuk mendukung hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan negara ini sebuah Negara Zikir.




# Penutupan sementara perkhidmatan kaunter

**Siaran Akhbar : Jabatan Perkhidmatan Pos**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 8 Julai. - Jabatan Perkhidmatan Pos (JPP), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa perkhidmatan kaunter di Pusat Memproses Mel dan Bungkusan, Berakas adalah ditutup sementara bermula Sabtu, 8 Julai 2023 sehingga satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian disebabkan oleh kerja-kerja penyelenggaraan pada sistem perkhidmatan yang sedia ada.

Walau bagaimanapun, perkhidmatan pengambilan bungkusan dan EMS adalah beroperasi seperti biasa. Sementara itu, orang ramai adalah disarankan untuk berkunjung ke cawangan-cawangan berdekatan bagi mendapatkan perkhidmatan kaunter pos.

JPP ingin mengucapkan terima kasih kepada para pelanggan atas sokongan dan kesabaran pada masa ini. Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Pusat Perkhidmatan Pelanggan (CSC) melalui talian +673 2380481 atau +673 8711002 (WhatsApp) atau e-mel *cscpost@post.gov.bn*. Pihak jabatan ingin memohon maaf atas sebarang kesulitan yang dihadapi.




**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**
1. **'Menghayati Ibadah Korban'**. Tarikh Tutup : **12 Julai 2023**
2. **'Bersama Menghentikan Isu Buli'**. Tarikh Tutup : **19 Julai 2023**
3. **'Makanan Halal Membentuk Peribadi Mulia'**. Tarikh Tutup : **26 Julai 2023**

**TERMA DAN SYARAT :**
1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15** hingga **40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**
Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
***pelita.brunei@information.gov.bn***

Menangi **BND75** SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang




# بهيا دان مضرة طبيعة مروکوق

جماعه يڠ درحمتي الله،

برتقوى له کيت کحضرة الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ دڠن منيڠکتکن کإيمانن کڤدڽ. سسڠݢوهڽ اورڠ يڠ ڤاليڠ مليا دسيسي الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ اياله اورڠ يڠ ڤاليڠ برتقوى. موده-مودهن کيت منجادي إنسان يڠ سنتياس مڠاڽڠي الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ، براوله کجيأن دان کسلامتن ددنيا دان جوݢ دأخيرة.

جماعه يڠ درحمتي الله،

أݢام إسلام ملارڠ أومتڽ ملاکوکن ڤرکارا-ڤرکارا يڠ بوله ممبري کسن يڠ تيدق بايک ڤد کصيحتن. إسلام جوݢ تله لبيه أول ممبيمبيڠ أومتڽ سڤاي ممستيکن کصيحتن مريک برادا دالم کاداٴن يڠ سنتياس بايک، يايت دڠن مڠهيندري دري ملاکوکن اف-اف جوا يڠ بوله ممضارتکن، لبيه-لبيه لاݢي کڤد ڽاوا.

ڤرکارا منجاݢ ڽاوا اداله ساله ساتو دري ليما ڤرکارا أساسي انتوق منجاݢ مصلحة دنيا دان جوݢ أخيرة سلاين منجاݢ أݢام، منجاݢ عقل، منجاݢ کتورونن دان منجاݢ هرتا. سموا إين واجب دليندوڠي. جاڠن اد ساتو ڤون يڠ دأبيکن سهيڠݢ موڠکينکن ترجحس اتوڤون ترجدرا. إينله اجارن أݢام کيت.

ادڤون انتارا عمالن بوروق يڠ بوله ممضارتکن کصيحتن توبوه بادن دان ڽاوا ايت اداله مروکوق. بهيا دان مضرة يڠ دسببکن اوله روکوق تله دأکوءي اوله ڤاکر-ڤاکر کصيحتن. اوله سبب ايت، ڤلباݢي أوسها تله دبوات اوله ڤيهق يڠ برکنأن باݢي مڠهيندرکن مأنسي درڤد منداڤت مضرة يڠ دسببکن اوله روکوق دان مروکوق.

جماعه يڠ درحمتي الله،

أنجمن روکوق بوکن ساج ترباتس کڤد ڤروکوق إيت سنديري، يايت ڤروکوق أکتيف، بهکن اي جوݢ منولر کڤد اورڠ يڠ تيدق مروکوق يڠ ترهيدو أسڤ روکوق، اتو لبيه دکنلي سباݢي ڤروکوق ڤاسيف.

سلوروه کاجين يڠ دجالنکن اوله ڤارا ڤاکر ڤروبتن، سام اد ڤاکر إسلام اتو بوکن إسلام مڠناءي روکوق، تله منموءي نتيجه يڠ سام يايت روکوق ممبهياکن کصيحتن. منوروت فتوى مفتي کراجأن نݢارا بروني دارالسلام دالم بوکو يڠ برتاجوق **"روکوق دان مروکوق"** اد منجلسکن سڤرت برإيکوت:

**"إسلام سباݢي أݢام سجهترا، أݢام يڠ ساڠة مڠحواتري ڽاوا دان ممنتيڠکن کصيحتن، کعافيتن، کجرکسن دان کقواتن باݢي برعبادة کڤد الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ، تله مپدياکن کاولن-کاولن يڠ بوله منجامين دان ممليهارا سموا ايت ملالوءي حکوم حلال حرامڽ. إي تله منتڤکن ساتو قاعده منولق مضرة. جک سوات بندا ايت ڽات منداتڠکن مضرة، کروسقن دان کبينسأن، مک مماکنڽ ترماسوق مڠهيسڤڽ حکومڽ حرام".**

جماعه يڠ درحمتي الله،

ترداڤت بېراڤ دليل شرع يڠ دکموکاکن انتوق ميوکوڠ کتتڤن حکوم ڤڠحرامن مروکوق، انتاراڽ:

**ڤرتام:** دحرامکن سکل بندا يڠ منجيجيقکن دري سݢي قاعده ڤرماکنن، القرآن تله مپدياکن داسر سباݢيمان ڤرمان الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ دالم سورة الأعراف آية ١٥٧:

**...دان دي مڠحلالکن باݢي مريک يڠ بايک-بايک دان مڠحرامکن کأتس مريک (سکل) يڠ بوروق...**

**کدوا:** حرام مماکن اتو مينوم سسيڤ يڠ ممضارتکن.

الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ ملارڠ دڠن تݢس دان سکرس-کرسڽ دري مڠهمڤيري اف-اف يڠ ممضارتکن، بهکن ميوروه ممبنترسڽ، اڤاته لاݢي يڠ منجادي ڤموسنه کڤد جيوا. الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ برفرمان دالم سورة البقرة آية ١٩٥:

**دان بلنجاکنله (هرتا يڠ اد ڤد کامو) ڤد جالن الله دان جاڠنله کامو سڠاج منجروموسکن ديري کامو سنديري کدالم کبينسأن. دان بربوات بايکله کامو کران سسڠݢوهڽ الله ميوکاءي اورڠ-اورڠ يڠ بربوات کبايکن.**

**کتيݢ:** لارڠن ممبلنجاکن هرتا کڤد ڤرکارا يڠ تيدق برمنفعة.

إسلام جوکوڤ مڠمبيل برت تنتڠ ڤنجاݢأن هرتا. ادڤون ممبلنجاکن هرتا ڤد ڤرکارا-ڤرکارا يڠ تيدق منداتڠکن منفعة اداله دلارڠ دان دأڠݢڤ سوات ڤمبذيرن يڠ ساڠة دتݢه اوله شرع. بݢيتو جوݢ حالڽ دڠن مروکوق يڠ مڠوندڠ ڤمبوازن هرتا تنڤا ڤائده. لارڠن ڤمبذيرن ايت جلس دالم القرآن ، سباݢيمان ڤرمان الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ دالم سورة الإسراء آية ٢٦-٢٧:

**...دان جاڠنله أڠکو ممباذير (ممبلنجاکن هرتامو ڤد جالن يڠ مپالهي شرع). سسڠݢوهڽ اورڠ-اورڠ يڠ ممباذير (ممبلنجاکن هرتا ڤد جالن يڠ مپالهي شرع) ايت اياله سودارا-سودارا شيطان دان شيطان ايت اداله ساڠة کوفور کڤد توهنڽ.**

جماعه يڠ درحمتي الله،

إيمڤق مربهيا دري طبيعة مروکوق تله لاما دکنل ڤستي. برداسرکن معلومت درڤد کمنترين کصيحتن، مروکوق مروڤاکن ڤکتور أوتام کڤد ڤپاکيت-ڤپاکيت تيدق برجڠکيت سڤرت کنسر، ڤپاکيت جنتوڠ، سترووق، کنچيڠ مانيس دان ڤپاکيت ڤرنفسن يڠ کرونيک. ڤپاکيت-ڤپاکيت اين مروڤاکن ليما ڤوڠچا أوتام کماتين دنݢارا اين، دمان کنسر ڤارو-ڤارو اداله کنسر ترتيڠݢي دنݢارا بروني دارالسلام دان مروکوق اداله ڤپبب أوتام کنسر ڤارو-ڤارو.

کاجين جوݢ منداڤتي أسڤ روکوق بوکن ساج منجحسکن ڤروکوق، ماله منجحسکن مريک يڠ تيدق مروکوق تتاڤي ترددە کڤد أسڤ روکوق (ڤروکوق ڤاسيف). اين کران کندوڠن أسڤ روکوق يڠ مڠندوڠي نيکوتين، تر، **KARBON MONOKSIDA** دان باهن-باهن کيميا لاين يڠ مربهيا.

دسلوروه دنيا، ڤڠݢوناٴن تمباکاو ميببکن لبيه لاڤن جوتا کماتين ستيڤ تاهون. لبيه دري توجوه جوتا کماتين ترسبوت اداله دکالڠن ڤڠݢونا تمباکاو. مانکالا ساتو ڤرڤولوهن دوا جوتا کماتين درڤدڽ اداله دسببکن مريک يڠ تيدق مروکوق تتاڤي ترددە کڤد أسڤ روکوق.

الحمدلله، نݢارا بروني دارالسلام بوکنله نݢارا ڤڠلوار تمباکاو. والوباݢيمان ڤون، ڤرمينتأن دالم نݢارا ترهادڤ ڤرودوق تمباکاو خصوصڽ روکوق دان روکوق إيليکترونيک اداله ماسيه تيڠݢي.

منوروت کاجين سليديق **STEPS NCD 2016** ، سبايق **19.9 %** اتو کيرا-کيرا **50 HINGGA 60** ريبو رعية دنݢارا اين يڠ برعمور دانتارا **18 HINGGA 69** تاهون اداله ڤروکوق يايت **36.3%** دکالڠن للاکي دان **3.7%** دکالڠن وانيتا. مانکالا حاصيل داڤتن دري کاجين سليديق **GLOBAL SCHOOL HEALTH SURVEY 2019** ڤول منونجوقکن **9.8%** رماج يڠ برعمور **13 HINGGA 17** تاهون اداله ڤروکوق، **15.4%** رماج للاکي دان **4.3%** رماج ڤرمڤوان. ڤڠݢونا روکوق إيليکترونيک دکالڠن رماج يڠ برعمور **13 HINGGA 15** تاهون ڤول اداله **13.3%**، يڠ مان **19%** اداله دکالڠن رماج للاکي دان **7.1%** اداله دکالڠن رماج ڤرمڤوان.

جماعه يڠ درحمتي الله،

إسلام اداله أݢام سجهترا، أݢام يڠ ساڠة مڠهرݢاءي ڽاوا دان ممنتيڠکن کصيحتن، کعافيتن، کجرکسن دان کقواتن خصوصڽ انتوق برعبادة کڤد الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ، کران ايت أݢام إسلام تله مپدياکن ݢاريس ڤندوان يڠ بوله منجامين دان ممليهارا سموا ايت ملالوءي حکوم حلال حرامڽ. جک سوات ايت سابيت منداتڠکن مضرة مک هندقله إي دتيڠݢلکن، بݢيتوله جوݢ دالم ڤرکارا روکوق، هندقله کيت جاوهي دان تيڠݢلکن.

إيڠتله، بهاوا بهيا مروکوق بوله ممباوا موت، بوکن ساج کڤد ڤروکوق، بهکن جوݢ اورڠ يڠ برهمڤيرن دڠن ڤروکوق. اوله يڠ دمکين، سام-سامله کيت مڠمبيل لڠکه يڠ واجر دالم ممبنترس دري ملواسڽ ݢجالا مروکوق، کيت بردعاء سموݢ أوسها کيت دبرکتي الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ سرت کهيدوڤن کيت بهاݢيا دان سلامة ددنيا دان دأخيرة. آمين يا رَبَّ العالمين.

**واهي مأنسي! ماکنله (ماکنن) درڤد اف يڠ اد د بومي يڠ حلال لاݢي بايک دان جاڠنله کامو مڠيکوت جحق لڠکه شيطان. سسڠݢوهڽ شيطان ايت اياله موسوه يڠ ڽات باݢي کامو. {سورة البقرة آية : ١٦٨}**

**بَارَكَ اللهُ لَنَا فِى الْقُرآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْأَيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلَ مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَالسَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُاللهَ الْعَظِيمَ لِى وَلَكُمْ وَلِسَآئِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَانَجَاةَ التَّآئِبِينَ.**

# OPERASI KELINGA DAPATI BEBERAPA KESALAHAN







**BAHAGIAN Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Buruh menjalankan Operasi Kelinga 144/2023 bagi memastikan Perintah Pekerjaan 2009 dipatuhi oleh para majikan (kiri dan kanan).**

**Siaran Akhbar dan Foto: Jabatan Buruh, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 8 Julai. - Dalam menguatkuasakan dan memastikan Perintah Pekerjaan 2009 dipatuhi oleh para majikan, Bahagian Penguatkuasaan Undang-Undang, Jabatan Buruh telah menjalankan Operasi Kelinga 144/2023 di kawasan Kampung Batu Marang dan Kampung Sengkurong, baru-baru ini.

Pemeriksaan pertama yang telah dijalankan di kawasan Kampung Batu Marang mendapati sebanyak satu kesalahan di bawah Perintah Pekerjaan 2009, yang dilakukan oleh majikan, iaitu Bab 112 (2) kesalahan melanggar syarat-syarat lesen pengambilan pekerja asing di mana tempat kegiatan yang diisytiharkan oleh majikan adalah tidak selaras.

Pemeriksaan kedua yang telah dijalankan di kawasan Kampung Sengkurong mendapati sebanyak satu kesalahan di bawah Perintah Pekerjaan 2009, yang dilakukan oleh majikan, iaitu Bab 86 gagal mendapatkan kebenaran tempat pekerjaan dan gagal membuat penyusunan semula penempatan pekerja tambahan.

Manakala bagi pemeriksaan ketiga yang telah dijalankan di kampung yang sama mendapati sebanyak tiga kesalahan di bawah Perintah Pekerjaan 2009, yang dilakukan oleh majikan, iaitu Bab 10 majikan tiada menyediakan kontrak perkhidmatan secara bertulis, Bab 86 gagal mendapatkan kebenaran tempat pekerjaan dan gagal membuat penyusunan semula penempatan pekerja tambahan, dan Bab 112(1) menggaji pekerja asing tanpa kebenaran daripada Pesuruhjaya Buruh.

Bagi kesalahan tersebut, jika sabit kesalahan, majikan boleh dikenakan denda kompaun sebanyak BND600 bagi kesalahan pertama dan BND900 bagi kesalahan kedua. Bagi kesalahan ketiga ataupun jika gagal membayar denda kompaun tersebut, majikan akan dihadapkan ke mahkamah.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Buruh ingin mengingatkan kepada majikan supaya sentiasa memantau hal ehwal kebajikan pekerja selaras dengan kehendak Perintah Pekerjaan, 2009 seperti penyediaan kontrak pekerjaan dan pembayaran gaji tepat pada waktunya.

Para majikan adalah dinasihatkan untuk tidak menyalahgunakan Lesen Pekerja Asing dan melanggar akta di bawah Perintah Pekerjaan 2009.

Untuk makluman lebih lanjut bolehlah berhubung dengan Jabatan Buruh melalui talian +673 2381848 (semasa waktu bekerja) atau +673 7298989 (di luar waktu bekerja).

# Tingkatkan kesedaran mengenai HIV




**PROGRAM kesedaran HIV untuk Rakan Sebaya dan Belia (HAPPY) kelolaan Majlis AIDS Brunei Darussalam (BDAIDS Council) yang dihadiri oleh para pelajar Sekolah Menengah Berakas.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Majlis AIDS Brunei Darussalam**

**BERAKAS**, Sabtu, 8 Julai. - Seramai 80 pelajar Tahun 10 dari Sekolah Menengah Berakas (SMB) menyertai program kesedaran HIV untuk Rakan Sebaya dan Belia (HAPPY) kelolaan Majlis AIDS Brunei Darussalam (BDAIDS Council) sebagai sebahagian daripada program kesedaran sekolah berkenaan.

Projek H.A.P.P.Y adalah projek yang diterajui oleh belia, yang menyebarkan kesedaran HIV termasuk pengetahuan tentang kehamilan remaja dan jangkitan seksual.

Ia adalah program interaktif yang menggabungkan audio dan visual serta aktiviti interaktif, untuk menyampaikan mesej kepada golongan belia yang merangkumi mesej yang sesuai untuk tatapan masyarakat tempatan.

Mewakili Majlis BDAIDS dalam menyampaikan dan memudah cara program di sekolah tersebut ialah Penyelaras Projek H.A.P.P.Y, Dayang Siti Kailene Jazlan Kashfi. Turut hadir bersama pembentang dalam memudah cara program tersebut ialah sukarelawan-sukarelawan daripada Pasukan H.A.P.P.Y.

Semasa ceramah tersebut, beliau mengongsikan statistik tempatan terkini mengenai jangkitan hubungan seksual (STI) dan kehamilan dalam kalangan remaja dengan mengongsikan umur dan jantina yang mendominasi statistik tersebut.

Beliau juga menyebut bahawa angka-angka ini boleh dibendung dengan menerapkan benteng sebagai sebahagian daripada usaha mencegah remaja kita daripada terlibat dalam sebarang tingkah laku berisiko yang membawa kepada jangkitan STI, hamil tanpa nikah atau perkahwinan di usia belia.

Majlis BDAIDS berharap para pelajar akan menerima mesej ini sebagai proses belajar dan menjadikan panduan dalam kehidupan harian mereka.



# BENGKEL PERSEDIAAN JURULATIH DALAM KURSUS ASAS ADVOKASI SYARIAH 2023



**SESI bergambar ramai pada Bengkel Persediaan Jurulatih-Jurulatih Yang Akan Terlibat Mengendalikan Kursus Asas Advokasi Syariah (atas kiri).**



**BENGKEL yang berlangsung di Dewan Mahkamah Syariah 1, Bangunan Mahkamah-Mahkamah Daerah Tutong ini disampaikan oleh Mohamaed Yusof Shaikh Halim dari Firma Guaman Tetuan Yusof Halim (bawah kiri).**

**Siaran Akhbar dan Foto : Mahkamah Rayuan Syariah**

**TUTONG**, Sabtu, 8 Julai. - Seramai 37 orang terdiri daripada 20 pegawai Mahkamah-mahkamah Syariah, 10 pegawai dari Bahagian Pendakwaan Syar'ie dan tujuh orang dari Peguam-peguam Syar'ie dari firma-firma guaman di Negara Brunei Darussalam menghadiri Bengkel Persediaan Jurulatih-jurulatih Yang Akan Terlibat Mengendalikan Kursus Asas Advokasi Syariah anjuran Mahkamah-mahkamah Syariah, Jabatan Kehakiman Negara, Jabatan Perdana Menteri.

Bengkel yang berlangsung di Dewan Mahkamah Syariah 1, Bangunan Mahkamah-mahkamah, Daerah Tutong ini disampaikan oleh Mohamaed Yusof Shaikh Halim dari Firma Guaman Tetuan Yusof Halim.

Ia merupakan persediaan bagi jurulatih-jurulatih yang akan dilibatkan dalam Kursus Asas Advokasi Syariah 2023 yang mana akan diadakan kemudiannya pada 3 dan 5 Ogos 2023. Dalam Kursus Asas Advokasi Syariah 2023 itu nanti, seramai 48 graduan yang layak untuk beramal di Mahkamah Syariah dijangka akan ikut serta.

Penyertaan ini termasuk graduan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan juga graduan dari institusi luar negara yang telah lulus dalam Kursus Perundangan Syariah pada tahap profesional.

Bengkel tersebut diharapkan akan dapat memberikan persediaan kepada semua jurulatih-jurulatih bagi mencapai tujuan Kursus Asas Advokasi Syariah yang akan dijalankan nanti khususnya dalam membentuk peserta-peserta kursus agar lebih cekap dan berkemahiran dalam bidang advokasi.

# Program Taj AnNajah : Uji kepantasan, kecerdasan berfikir pelajar

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama**



**KETUA Bahagian Sekolah Arab, JPI, KHEU, Pengiran Mohammad Aminuddin bin Pengiran Haji Hussin semasa hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyaksikan aktiviti yang diadakan pada Program Taj AnNajah (atas, atas kanan dan kanan).**





**BELAIT**, Sabtu, 8 Julai. - Ke arah mendukung matlamat Wawasan Brunei 2035 untuk melahirkan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya, Sekolah Arab Belait baru-baru ini mengungkayahkan Program Taj AnNajah bertempat di surau sekolah berkenaan.

Acara yang dikendalikan buat kali kedua berkenaan juga merupakan salah satu pengisian Program 'Ilal Majdi Wal 'Ula yang dianjurkan oleh Bahagian Sekolah Arab, Jabatan Pengajian Islam (JPI) bagi mendukung inisiatif Rancangan Strategik Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) 2020 - 2024.

Dari sudut pengertian, Taj bermaksud mahkota yang dipakai di atas kepala dan An-Najah bermaksud kejayaan.

Tajuk program berkenaan bersesuaian dengan pengisian acara dengan kepantasan, kecerdasan dan kemahiran berfikir para pelajar akan diuji menerusi konsep penyelesaian permainan dengan cepat dan betul.

Acara pada hari berkenaan melibatkan 10 pelajar Tahun 8 daripada lima buah sekolah Arab, iaitu Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SASHHB); Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (SUAMPRIPAHS); Ma'had Islam Brunei; Sekolah Arab Temburong; dan Sekolah Arab Belait selaku tuan rumah.

Atur cara program dimuatkan dengan pelbagai aktiviti seperti Treasure Hunt, Minecraft, Board games, kuiz, dan sebagainya yang menguji penguasaan pelajar dalam mata pelajaran Al-Quran, bahasa Arab, Tauhid, Fiqh, Tafsir Hadith dan Tarikh Islam.

Hadir selaku tetamu kehormat di acara berkenaan, Ketua Bahagian Sekolah Arab, JPI, KHEU, Pengiran Mohammad Aminuddin bin Pengiran Haji Hussin, yang juga turut menyempurnakan penyampaian hadiah dan sijil kepada para pemenang.

**JABATAN BELIA DAN SUKAN**
**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**Bilangan Tawaran :**
(93) JBS / ADM / QC / 2023

**Keterangan :**
**Five Years (5) Term Contract For Provision Of Food and Beverage (F&B) Vending Machine At Menglait Sports Complex.**

**Bilangan Tawaran :**
(94) JBS / ADM / QC / 2023

**Keterangan :**
**Five Years (5) Term Contract For Provision Of Food and Beverage (F&B) Vending Machine At Tutong Sports Complex.**

**Bilangan Tawaran :**
(95) JBS / ADM / QC / 2023

**Keterangan :**
**Five Years (5) Term Contract For Provision Of Food and Beverage (F&B) Vending Machine At Pusat Belia, Bandar Seri Begawan.**

**Bilangan Tawaran :**
(96) JBS / ADM / QC / 2023

**Keterangan :**
**Five Years (5) Term Contract For Provision Of Food and Beverage (F&B) Vending Machine At, Tennis Sports Complex.**

**Bilangan Tawaran :**
(97) JBS / ADM / QC / 2023

**Keterangan :**
**Five Years (5) Term Contract For Provision Of Food and Beverage (F&B) Vending Machine At Mumong Sports Complex.**

**Bilangan Tawaran :**
(98) JBS / ADM / QC / 2023

**Keterangan :**
**Five Years (5) Term Contract For Provision Of Food and Beverage (F&B) Vending Machine At Balapan Sports Complex.**

**Bilangan Tawaran :**
(99) JBS / ADM / QC / 2023

**Keterangan :**
**Five Years (5) Term Contract For Rental and Operating Restaurant, Berakas Sports Complex.**

**Bilangan Tawaran :**
(100) JBS / ADM / QC / 2023

**Keterangan :**
**Five Years (5) Term Contract For Provision Of Food and Beverage (F&B) Vending Machine At Hassanal Bolkiah National Swimming Pool Complex.**

**Bilangan Tawaran :**
(101) JBS / ADM / QC / 2023

**Keterangan :**
**Five Years (5) Term Contract For Provision Of Food and Beverage (F&B) Vending Machine At Multi Purpose Hall, Hassanal Bolkiah National Sports Complex.**

**Bayaran Yuran Tawaran :**
**BND10.00 (Tidak dikembalikan)**

**Tarikh Tutup :**
**Khamis,**
**10 Ogos 2023.**

---

**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

**Pendaftaran Bakal-Bakal Rekrut Lelaki Pengambilan Ke-173 Angkatan Bersenjata Diraja Brunei**

PENDAFTARAN sekarang dibukakan untuk menceburi kerjaya tentera sebagai bakal Rekrut Lelaki Pengambilan Ke-173 Angkatan Bersenjata Diraja Brunei mengikut syarat-syarat kemasukan yang telah ditetapkan.

Pendaftaran dibukakan secara pandu lalu (*drive-thru*) mengikut tarikh dan masa seperti berikut :

**Tatacara :**
Pandu lalu
(*drive-thru*)

**Tarikh dan Masa dibukakan adalah seperti berikut :**
**17 Julai 2023 - 27 Julai 2023**
**Isnin hingga Khamis sahaja**
**Jumaat dan Hari Kelepasan Awam ditutup**

**8.30 Pagi hingga 11.00 Pagi**
**2.30 Petang hingga 4.00 Petang**

Sila layari laman sesawang
***http://www.mindef.gov.bn***
(Career - Military Recruitment (Male)) bagi tempat / lokasi pendaftaran pandu lalu

Pemohon mestilah berumur 18 tahun dan tidak melebihi 25 tahun (0 bulan 0 hari) sebelum latihan bermula pada 15 Januari 2023.

**Untuk keterangan lanjut, sila hubungi :**
**Pejabat Pengambilan Jabatanarah Keanggotaan Bolkiah Garison**

**Telefon :**
**+673 2386898**

atau layari laman sesawang
***http://www.mindef.gov.bn***
(Career - Military Recruitment (Male))
e-mel :
***RO.recruit@mindef.gov.bn***

---

**JABATAN BELIA DAN SUKAN**
**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**Bilangan Tawaran :**
(102) JBS / ADM / QC / 2023

**Keterangan :**
**Penyewaan Dan Pengendalian Kiosk Indoor Stadium Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah Bagi Tempoh Sehingga Februari 2024**

**Bilangan Tawaran :**
(103) JBS / ADM / QC / 2023

**Tajuk Tawaran :**
**Supply and Installation Of Glass Wall Panel and Door to New Stadium Office, Stadium Negara Hassanal Bolkiah.**

**Bilangan Tawaran :**
(104) JBS / ADM / QC / 2023

**Keterangan :**
**Menghantar Dan Membekal Penambahan Stok Peralatan Tulis Bagi Pusat Stor, Jabatan Belia Dan Sukan.**

**Bilangan Tawaran :**
(105) JBS / ADM / QC / 2023

**Tajuk Tawaran :**
**Menghantar Dan Membekal Meja Lipat & Meja Bulat Berserta Lapik Dan Kerusi Bagi Kompleks Sukan Temburong, Kompleks Sukan Menglait Dan Kompleks Sukan Sungai Kebun.**

**Bayaran Yuran Tawaran :**
BND10.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup :**
**Khamis,**
**27 Julai 2023.**

---

**KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

**1. Bilangan Sebut Harga :**
**KSSUP / BPK / JKSH / ASET / 04 / 2023-2024**

**Tajuk Sebut Harga :**
**Perkhidmatan Pengawal Keselamatan (Security Guard Services) Ke Atas Bangunan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan Selama Enam (6) Bulan.**

**2. Bilangan Sebut Harga :**
**KSSUP / BPK / JKSH / ASET / 05 / 2023-2024**

**Tajuk Sebut Harga :**
**Membekal dan Membaik Pulih Bilik Mesyuarat Jaringan Di Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.**

**3. Bilangan Sebut Harga :**
**KSSUP / BPK / JKSH / ASET / 06 / 2023-2024**

**Tajuk Sebut Harga :**
**To Dismantle the Existing Conference Table Supply New Conference Table With Installation and New Chairs At Jaringan Meeting Room Ministry Of Primary Resources and Tourism.**

**4. Bilangan Sebut Harga :**
**KSSUP / BPK / JKSH / ASET / 07 / 2023-2024**

**Tajuk Sebut Harga :**
**Membekal dan Membaikpulih Kaca Skylight Di Bangunan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.**

**Tarikh Tutup Sebut Harga :**
**Khamis,**
**27 Julai 2023.**
**Jam 2.00 Petang.**

**Yuran Setiap Sebut Harga :**
**BND5.00**
**(Tidak dikembalikan)**

---

**JABATAN PERDANA MENTERI**

**Bilangan Tawaran :**
**(69)QTN / BKISHHB / 2020 / Pt.2**

**Tajuk Tawaran :**
**The Supply, Delivery, Design, Customization, Development, Tntegration, Testing, Verification, And Commissioning of Collection Management System For Balai Khazanah Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Brunei Darussalam.**

**Tarikh Buka :**
**Isnin,**
**3 Julai 2023.**

**Sesi Penerangan (Information Day) :**
**Isnin,**
**31 Julai 2023,**

**Tarikh Tutup Tawaran :**
**Selasa,**
**5 September 2023,**
**Jam 2.00 Petang.**

---

**JABATAN KAJICUACA**
**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI**

**Bilangan Sebut Harga :**
**JKBD / 2023 / SH-06**

**Tajuk Sebut Harga :**
**The Provision Of Security Guard Services For Brunei Darussalam Meteorological Department, Ministry Of Transport and Infocommunications, Negara Brunei Darussalam**

**Tarikh Tutup :**
**Rabu,**
**26 Julai 2023.**
**Sebelum jam 9.00 Pagi.**

---

**JABATAN PENERANGAN**
**JABATAN PERDANA MENTERI**

CALON-calon yang terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah dipelawa untuk memohon jawatan berikut :

**PEMBERITA SAMBILAN**

**TATACARA PERMOHONAN :**

A. Permohonan hendaklah lengkap dengan sijil-sijil dan dokumen-dokumen sokongan yang relevan.

B. Permohonan hendaklah dihantar ke alamat berikut :
**KETUA BAHAGIAN PELITA BRUNEI**
**BAHAGIAN PELITA BRUNEI**
**JABATAN PENERANGAN**
**JABATAN PERDANA MENTERI**
**LAPANGAN TERBANG LAMA**
**BERAKAS, BB3510**
**NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Peringatan : Hanya pemohon-pemohon yang disenarai pendek sahaja akan dipanggil untuk ditemu duga.**

**Tarikh tutup permohonan pada:**
**Isnin,**
**17 Julai 2023.**

**JABATAN KEMAJUAN PERUMAHAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Bil. Projek :**
**JKP / 06 / 2023**

**Nama Projek :**
**One (1) Year Term Contract For Lift Maintenance At H40 High Rise Apartment Perumahan Negara Kg. Lambak Kanan, Negara Brunei Darussalam.**

**Tarikh Buka Tawaran :**
**10 Julai 2023 (Isnin)**

**Tarikh Tutup Tawaran :**
**25 Julai 2023 (Selasa)**
**Tidak lewat jam 2.00 Petang.**

**Tempat Tutup :**
**Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Kementerian Pembangunan, Jalan Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510, Negara Brunei Darussalam.**

**Yuran Tawaran :**
**BND30.00**
**[Tidak dikembalikan]**

**Yuran E-Dokumen :**
**BND5.00 [Tidak dikembalikan]**
**[Yuran E-Dokumen & Lukisan]**

**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

**Rujukan Tawaran :**
**MINDEF / DFA / FY2022 / RPK / TA / 03 - Pembelian Kelengkapan Ballistic Shield dan Covert Shield.**

**Yuran Tawaran :**
**BND10.00**
**(Tidak dikembalikan)**

**Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah seminggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu Selasa, 8 Ogos 2023.**

**Tarikh Tutup Tawaran :**
**Selasa, 15 Ogos 2023. Jam 2.00 Petang.**

**JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI**

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga :**
**RTB / K / 33 / 23 - 24 - Supply and Installation For 9 Unit Television Set At Radio Television Brunei.**

**Yuran Sebut Harga :**
**BND5.00**
**(Tidak dikembalikan)**

**Salinan Kertas (*Hardcopy*) :**
**BND5.00 (Jika perlu dan tidak dikembalikan)**

**Tarikh Tutup :**
**Rabu, 26 Julai 2023. Jam 2.00 Petang.**

**MAHKAMAH TINGGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Di dalam Mahkamah Tinggi Negara Brunei Darussalam Di Bandar Seri Begawan**

**Kes No. BCY / CP / 325 / 2022**

**Baiduri Bank Berhad**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Halimuliani binti Bundan**
**(00-308745)**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **8 Jun 2023.**

**Nama dan alamat terakhir diketahui :**
**Halimuliani binti Bundan**
**No. 6, Simpang 74-30, Kg. Mata-Mata Gadong, BE1718, Negara Brunei Darussalam**

**Tarikh Petisyen :**
20 Mei 2023

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**Kenyataan Sebut Harga**

**Bilangan Sebut Harga :**
**5 / JUN / KKBS / BKBN / 1.40 / 23**

**Tajuk Sebut Harga :**
**Pembekalan Serta Penghantaran Kain Celoreng Program Khidmat Bakti Negara Pengambilan Ke-12.**

**Tarikh Tutup :**
**Tidak lewat pada Khamis, 20 Julai 2023, jam 2.00 Petang.**

**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**Bilangan Sebut Harga :**
**13 / JUN / KKBS / BKBN / 1.40 / 23**

**Tajuk Sebut Harga :**
**Kontrak Penggal Tiga (3) Tahun Membekalkan 'Bag Pack Celoreng With Logo Printing' Program Khidmat Bakti Negara (PKBN).**

**Tarikh Tutup :**
**Tidak lewat pada Khamis, 20 Julai 2023. Jam 2.00 Petang.**

**Bertarikh :**
22 Jun 2023

**Kes No. BCY / CP / 69 / 2023**

**Bank Islam Brunei Darussalam Berhad**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Jakeria bin Lajim**
**(31-003106)**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **22 Jun 2023.**

**Nama dan alamat terakhir diketahui :**
**Jakeria bin Lajim**
**No. 9, Simpang 65, Jalan Binglu Utara, Kampung Meragang, Negara Brunei Darussalam**

**Tarikh Petisyen :**
10 Mei 2023

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh :**
26 Jun 2023

**Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **22 Jun 2023.**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-10), Mahkamah Besar pada 3 Oktober 2023, jam 9.15 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **3 Oktober 2023, jam 9.15 Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Bertarikh :**
26 Jun 2023

**Kes No. BCY / CP / 53 / 2023**

**Bank Islam Brunei Darussalam Berhad**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Mohd Rino bin Rajab**
**(00-278031)**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **3 Jun 2023.**

**Nama dan alamat terakhir diketahui :**
**Mohd Rino bin Rajab**
**No. 16, Simpang 174, Kampung Bukit Panggal, Tutong, TB1341 Negara Brunei Darussalam**

**Tarikh Petisyen :**
16 Mei 2023

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh :**
10 Jun 2023

**Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **3 Jun 2023.**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-10), Mahkamah Besar pada 18 September 2023, jam 9.00 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **18 September 2023, jam 9.00 Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis,bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Bertarikh :**
10 Jun 2023

**Kes No. BCY / CP / 341 / 2022**

**Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Dyg Siti Soffiane binti Abd Hamid**
**(00-289635)**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **29 April 2023**.

**Nama dan alamat terakhir diketahui :**
**Dyg Siti Soffiane binti Abd Hamid**
**No. Simpang 600, Kampung Batong Panchor Murai, Negara Brunei Darussalam.**

**Tarikh Petisyen :**
28 Mac 2023

**>> Muka 16**

>> Muka 15

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh :**
20 Jun 2023

**Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **29 April 2023.**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-10), Mahkamah Besar pada 26 September 2023, jam 9.15 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **26 September 2023, jam 9.15 Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis,bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Bertarikh :**
10 Jun 2023

**Kes No. BCY / CP / 333 / 2022**

**Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei**
**- Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen**

**Haji Mohammad Fadillah bin Haji Ali**
**(00-121400)**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Perintah Penerimaan**

Sila ambil perhatian bahawa :-

a.) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **8 Jun 2023**.

**Nama dan alamat terakhir diketahui :**
**Haji Mohammad Fadillah bin Haji Ali**
**Rumah Pangsa F1, No 2, Simpang 253, Kampong Kiarong, BE1318, Negara Brunei Darussalam.**

**Tarikh Petisyen :**
4 April 2023

b.) Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c.) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh :**
20 Jun 2023

**Notis Kepada Pemiutang untuk Perjumpaan Pertama**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh **8 Jun 2023.**

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di **Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-10), Mahkamah Besar pada 26 September 2023, jam 9.00 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada **26 September 2023, jam 9.00 Pagi di Mahkamah Besar.**

Mana-mana pihak pemiutang yang telah menyerahkan bukti atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis,bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

**Bertarikh :**
10 Jun 2023

**Kes No. BCY / CP / 487 / 2019**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Pertama**

**Nama Penghutang -** Haji Mohd Iskandar Zulkarnain bin Haji Omar Ali (BYIC No. 00-122266) - **Alamat -** No. 8, Simpang 773, Kg. Salambigar, Jalan Muara, BC1515, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah -** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor -** Kebankrapan Bil. 487 Tahun 2019. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit -** 2.9 sen **Pertama atau terakhir selainnya** - Pertama **Bila Kena Dibayar -** 15 Jun 2023. **Di Mana Kena Bayar -** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**
19 Jun 2023

**Kes No. BCY / CP / 601 / 2009**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Kedua**

**Nama Penghutang -** Hj Ruslan bin DP Hj Hamdani (BYIC No. 00-074307) - **Alamat** - No. 12, Simpang 204-9-14, Kg Sungai Akar, Jalan Sungai Akar, BC3915, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah -** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor -** Kebankrapan Bil. 601 Tahun 2009. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit -** 46% **Pertama atau terakhir selainnya** - Kedua **Bila Kena Dibayar -** 15 Jun 2023. **Di Mana Kena Bayar -** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**
19 Jun 2023

**Kes No. BCY / CP / 327 / 2010**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Kedua dan Terakhir**

**Nama Penghutang -** Haji Mohamad bin Haji Mustafa (BYIC No. 00-123015) - **Alamat** - No. 28, Simpang 396-54-41, Kg. Tagap, Jalan Selayun, Jerudong, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah -** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor -** Kebankrapan Bil. 327 Tahun 2010. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit - 2% Pertama atau terakhir selainnya** - Terakhir **Bila Kena Dibayar -** 15 Jun 2023. **Di Mana Kena Bayar -** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**
19 Jun 2023

**Kes No. BCY / CP / 178 / 2012**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Kedua dan Terakhir**

**Nama Penghutang -** Pg Abd Borey bin Pg Abd Ghani @ Pg Jasni (BYIC No. 00-259678) - **Alamat** - No. 1, Blok EF31, Flat Beribi, Gadong, Bandar Seri Begawan, BE1118, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah -** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor -** Kebankrapan Bil. 178 Tahun 2012. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit - 100% Pertama atau terakhir selainnya** - Terakhir **Bila Kena Dibayar -** 15 Jun 2023. **Di Mana Kena Bayar -** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**
19 Jun 2023

**Kes No. BCY / CP / 33 / 2007**

**Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Terakhir**

**Nama Penghutang -** Pg Abd Borey bin Pg Abd Ghani @ Pg Jasni (BYIC No. 00-259678) - **Alamat** - No. 1, Blok EF31, Flat Beribi, Gadong, Bandar Seri Begawan, BE1118, Negara Brunei Darussalam. **Mahkamah -** Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. **Nombor -** Kebankrapan Bil. 33 Tahun 2007. **Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit -** 100% **Pertama atau terakhir selainnya** - Terakhir **Bila Kena Dibayar -** 15 Jun 2023. **Di Mana Kena Bayar -** Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh :**
19 Jun 2023

**Kes No. BCY / CP / 29 / 2007**

**Bank Islam Brunei Darussalam Berhad**
**- Pemiutang / Pemetisyen**

**Rosman bin Haji Abd Rahman**
**(00-250062)**
**- Penghutang / Penentang**

**Notis Perintah Penghukuman**

Sila ambil perhatian :

A. Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **8 Jun 2023.**

**Nama dan Alamat Bankrap :**
**Rosman bin Haji Abd Rahman**
**No. 36, Jalan 2, Perpindahan Lambak Kanan, Berakas, BC2715, Negara Brunei Darussalam.**

**Tarikh Permohonan :**

B. Semua sipiutang-sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

C. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh :**
13 Jun 2023

**Kes No. BCY / CP / 68 / 2020**

**Bank Islam Brunei Darussalam Berhad**
**- Pemiutang / Pemetisyen**

**Rozlan bin Hanip**
**(00-273473)**
**- Penghutang / Penentang**

**Notis Perintah Penghukuman**

Sila ambil perhatian :

A. Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **10 Jun 2023.**

**Nama dan Alamat Bankrap :**
**Rozlan bin Hanip**
**No. 62, Simpang 120-48-35-28, STKRJ Kg. Mumong, Belait, KA1731, Negara Brunei Darussalam.**

**Tarikh Permohonan :**
18 Mei 2023

B. Semua sipiutang-sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

C. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh :**
13 Mei 2023

**Kes No. BCY / CP / 326 / 2012**

**Baiduri Bank Berhad**
**- Pemiutang / Pemetisyen**

**Eddie Syakirin bin Alim**
**(00-292016)**
**- Penghutang / Penentang**

**Notis Perintah Penghukuman**

Sila ambil perhatian :

A. Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada **15 Jun 2023.**

**Nama dan Alamat Bankrap :**
**Eddie Syakirin bin Alim**
**No. 48-A, Simpang 49, Kampung Lugu, Mukim Sengkurong, BG2921, Negara Brunei Darussalam.**

**Tarikh Permohonan :**
22 Mei 2023

B. Semua sipiutang-sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

C. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada **Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.**

**Bertarikh :**
20 Jun 2023

**Kes No. BCY / CP / 735 / 2010**

**Baiduri Finance Berhad**
**- Pemiutang / Pemetisyen**

**Azami bin Kudong**
**- Penghutang Penghakiman / Penentang**

**Notis Pembatalan**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang dibuat terhadap Penghutang berikut pada 30 Julai 2011 telah dibatalkan pada **17 Jun 2023.**

**Nama Penghutang :**
**Azami bin Kudong**

**Alamat Penghutang :**
**No. 28, Simpang 197, Jalan Tanjong Selasih, Kg. Panchor Mengkubau, Negara Brunei Darussalam**

**Bertarikh :**
20 Jun 2023

**Nurul Hidayah binti Hamdan**
**Timbalan Pegawai Penerima Rasmi**
**B/P Penerima Rasmi**
**Mahkamah Besar**

# IMBASAN MINGGUAN



KEPULANGAN jemaah haji Negara Brunei Darussalam disambut oleh ahli keluarga dengan penuh kesyukuran dan kegembiraan. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi.



ANTARA mereka yang menerima Penggeranan Tanah-tanah Lesen Tumpang Sementara (LTS) di bawah Skim Penggeranan Tanah LTS bagi Daerah Brunei dan Muara (DBM) dan Daerah Temburong serta Penganugerahan Anak-anak Kunci Rumah, Unit Pangsapuri dan Lot-lot Tanah di bawah Skim Perumahan Negara bagi DBM. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.



ANTARA pelajar berkeperluan khas menerima beberapa peralatan khusus untuk membantu pembelajaran dan mobiliti mereka yang disumbangkan oleh Sekolah Rendah Antarabangsa Jerudong. - Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman.





JABATAN Perkhidmatan Awam dengan kerjasama Pusat Pendermaan Darah, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha semasa menganjurkan Kempen Derma Darah. - Foto : Alishahrin Haji Mumin.



ANTARA aksi menarik semasa saingan Kejohanan Liga Belia FABD Bawah 20 Tahun (U20) 2023 yang berlangsung di Stadium Mini Jerudong. - Foto : Muhammad Azim Haji Abu Bakar.

PELITA BRUNEI

# MEMPERKENALKAN MAKAM KESULTANAN BRUNEI KEPADA GENERASI MUDA



**PENGETUA Pusat Sejarah Brunei, Dr. Haji Muhammad Hadi bin Melayong semasa menyampaikan ucapan alu-aluan.**

**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Hamzah Mohidin**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 8 Julai. - Terdapat banyak lokasi makam-makam kesultanan di negara ini yang antaranya sering menjadi tumpuan ialah di Kianggeh, Kota Batu, Tanjung Kindana, Kubah Makam Diraja dan malahan ada juga makam yang terletak di kawasan ibu negara.

Kebanyakan batu nisan di pemakaman kesultanan Brunei juga diperbuat daripada batu pasir dengan memperlihatkan seni bentuknya yang unik dan halus serta diukir dengan doa-doa dan surah-surah tertentu.

Perkara berkenaan dikongsikan dalam taklimat mengenai Kaedah Penyelidikan, Pemuliharaan dan Pemeliharaan Makam Kesultanan Brunei yang disampaikan oleh Kurator Sejarah, Awang Mohamad Hazim bin Haji Hashim menerusi Program Menjejaki Makam Kesultanan Brunei yang diadakan di Galeri Sejarah, Pusat Sejarah Brunei (PSB), baru-baru ini.

Awang Mohamad Hazim juga turut mengongsikan beberapa maklumat menarik mengenai pemakaman kesultanan Brunei antaranya terdapat satu makam yang terletak di ibu negara dipanggil sebagai Makam Raja Ayang.

Makam Sultan Muhammad Hassan pula terletak di Tanjung Kindana; makam Sultan Sharif Ali dan makam Sultan Bolkiah terletak di Kota Batu; sementara makam Sultan Shah Brunei terletak di Kianggeh; dan makam Sultan Husin Kamaluddin terletak di Makam di Luba juga antara yang turut dikongsikan oleh beliau.

Seramai 22 tenaga pengajar dan kakitangan dari Sekolah Arab Temburong menyertai Program Menjejaki Makam Kesultanan Brunei kelolaan PSB melalui Bahagian Penyelidikan dan Dokumentasi dengan kerjasama Sekolah Arab Temburong, Daerah Temburong.

Program berkenaan dihasratkan dapat memberikan pendedahan tentang kaedah dan proses pemuliharaan ke atas makam-makam bersejarah di negara ini.

Antara objektif utamanya ialah untuk memperkenalkan makam-makam kesultanan Brunei yang mempunyai nilai dan kepentingan sejarah di Negara Brunei Darussalam, di samping dapat menanam semangat kecintaan dan keprihatinan untuk menghargai nilai seni bina, seni ukiran, seni corak dan tulisan Jawi di setiap makam bersejarah sebagai seni warisan budaya Brunei.

Terdahulu, Pengetua PSB, Dr. Haji Muhammad Hadi bin Melayong dalam ucapan alu-aluannya menjelaskan Program Menjejaki Makam Kesultanan Brunei berkenaan merupakan program julung kali diungkayahkan yang bertujuan untuk melestari dan memasyarakatkan sejarah negara kepada masyarakat Brunei khususnya generasi muda dan belia di negara ini.



**PARA peserta program semasa mengadakan lawatan ke makam kesultanan Brunei.**

Selain itu terangnya, ia juga bertujuan untuk meningkatkan kesedaran terhadap nilai dan kepentingan sejarah tanah air untuk diketahui, dikenali, difahami dan dihayati sekali gus dapat memartabatkan dan memperkasa sejarah kesultanan Brunei untuk terus dijaga dan dipelihara sebagai khazanah warisan negara sepanjang zaman.

"Ini sejajar dengan dasar penubuhan PSB untuk memainkan peranan penting dan bertanggungjawab dalam membarigakan maklumat dan fakta sejarah yang diperoleh daripada penyelidikan dan pengkajian tentang makam-makam bersejarah ini kepada masyarakat di negara ini sebagai salah satu usaha ke arah menjadikan PSB sebagai sebuah Pusat Kecemerlangan Sejarah dan Kesultanan Brunei," katanya.

Justeru itu, adalah diharapkan kedua-dua institusi berkenaan akan berterusan menjalinkan hubungan kerjasama dalam membarigakan dan memartabatkan negara agar dapat menarik minat para penyelidik serta pengkaji sejarah khususnya generasi belia untuk mengetahui dan mempelajari sejarah kesultanan Brunei.

Di akhir acara, para peserta program juga turut dibawa melawat ke makam-makam kesultanan Brunei yang terletak di Kianggeh dan Kubah Makam Diraja.

# Jabatan Penjara Maraburong terima lawatan SHALAWSOC

**Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali**

**TUTONG**, Sabtu, 8 Julai. - Persatuan Mahasiswa Syari'ah dan Undang-undang (SHALAWSOC) bersama dua pelajar lepasan ijazah daripada Fakulti Syari'ah dan Undang-undang, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) mengadakan Aktiviti Lawatan Ilmiah ke Jabatan Penjara Maraburong, Sungai Kelugos, Tutong pada Isnin, 3 Julai 2023.

Lawatan berkenaan dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah diketuai oleh Ketua Unit Dakwah dan Tarbiyyah, SHALAWSOC, Awang Muhammad Akmal Faiz bin Jamal.

Kemudian diteruskan lagi dengan sesi taklimat yang disampaikan oleh Pegawai Perhubungan Awam dan Hal Ehwal Antarabangsa Jabatan Penjara, Sarjan 493 Siti Habibah binti Haji Mahbub, diikuti dengan sesi soal jawab.

Sepanjang sesi taklimat berkenaan berlangsung, para peserta diberi peluang untuk mengenali sedikit sebanyak mengenai sistem penjara yang berkuat kuasa di negara ini.

Seterusnya, rombongan diberi peluang untuk menyaksikan demonstrasi sebatan yang dijatuhkan oleh Mahkamah Syari'ah dan Mahkamah Sivil.

Lawatan ilmiah berkenaan diakhiri dengan sesi bergambar ramai dan penyerahan sijil penghargaan dan cenderamata daripada pihak SHALAWSOC kepada pihak Jabatan Penjara Maraburong, Sungai Kelugos, Tutong.



**DEMONSTRASI sebatan dari Pegawai Perhubungan Awam dan Hal Ehwal Antarabangsa Jabatan Penjara.**



**SESI bergambar ramai SHALAWSOC bersama ahli Jabatan Penjara Maraburong (atas).**

# 3 GRADUAN IBTE IKUTI PROGRAM MOBILITI TVET ASEAN-REPUBLIK KOREA

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin





**PENGARAH Pendidikan Teknik / Ketua Pegawai Eksekutif IBTE, Dr. Haji Mohd Zamri bin Haji Sabli semasa menyampaikan kata-kata nasihat kepada para peserta yang mengikuti Program Mobiliti TVET ASEAN- Republik Korea di Phuket, Thailand sebelum berlepas meninggalkan negara (kiri). Sementara gambar kanan, Pengarah Pendidikan Teknik / Ketua Pegawai Eksekutif IBTE bergambar beramai bersama para peserta.**

**BERAKAS**, Ahad, 9 Julai. - Tiga graduan Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) yang mengikuti program HNTec dalam Travel and Tourism tahun 2022, pagi tadi berlepas ke Phuket, Thailand untuk mengikuti program Mobiliti TVET ASEAN - Republik Korea (ROK).

Program yang dijalankan di Kolej Vokasional Phuket, Thailand tersebut disertai oleh Nur Humaizah binti Haji Mohammad Bohari, Nurul Saiyidah Nafisah binti Haji Mohneh dan Nur Zahidah binti Abd Hamid.

Hadir bagi mengucapkan selamat belayar kepada para peserta program di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei ialah Pengarah Pendidikan Teknik / Ketua Pegawai Eksekutif IBTE, Dr. Haji Mohd Zamri bin Haji Sabli.

Program yang dibiayai sepenuhnya oleh ASEAN-ROK Cooperation Fund ini diharap agar dapat mengurangkan jurang dalam kemahiran vokasional di ASEAN.

Pada program itu juga, peserta akan mengikuti pembelajaran teori dan praktikal selama 12 minggu termasuk empat minggu latihan dalam industri.

Antara objektif program mobiliti adalah bagi mengurangkan jurang kecekapan pekerjaan dalam kalangan negara ASEAN dan menggalakkan pertukaran silang budaya antara negara anggota ASEAN, di samping meningkatkan kerjasama di antara institusi-institusi di negara ASEAN.



PELITA BRUNEI




# Mori Farm hasilkan produk *superfood* moringa

**Rencana dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**

**MORINGA** Oleifera adalah pokok kekacang yang berasal dari Himalaya dan ditanam di Mori Farm (Ladang Mori). Moringa dikenali sebagai Marunggai dalam Bahasa Brunei.

Ia merupakan tumbuhan yang mempunyai nutrien yang padat kerana semua bahagian pokok boleh digunakan sehingga ke akar dan sangat bermanfaat untuk kesihatan kita. Menyedari hakikat ini, ladang berkenaan menumpukan pada penanaman daunnya yang padat dengan jem yang penuh dengan nutrien penting, vitamin dan mineral. Justeru, ia dihasilkan dalam bentuk serbuk.

Serbuk moringa adalah *superfood* tempatan dengan rasa yang serupa dengan serbuk matcha yang mempunyai kelainan sedikit pedas padanya. Ini membolehkan ia digunakan dalam kedua-dua manis dan masam sambil memberikan manfaat kesihatan yang hebat kepada tubuh manusia.

Serbuk moringa mudah digunakan dengan hanya menambahkan satu atau dua sudu teh pada minuman, jus, kek, salad dan sebagainya untuk memberi rangsangan nutrisi setiap hari.

Produk pertama yang dihasilkan dan ditanam ini juga punyai manfaat antioksida dan sumber nutrisi seperti Protein, Kalsium, Serat, Zat Besi, Kalium, Vitamin B1, Vitamin B, Vitamin B3 dan Vitamin E. Nutrien dan mineral dalam serbuk moringa dapat membantu mengawal gula dalam darah, kolesterol dan membantu badan untuk lebih bertenaga. Selain itu, ia dapat membantu ibu-ibu yang baharu bersalin dengan penghasilan susu ibu.

### Mori Farm

Pengasas Mori Farm, Lim Jun Hong, seorang belia tempatan, graduan lepasan Ijazah Sarjana Muda dari Universiti Loughborough, United Kingdom. Beliau mula mengusaha ladang yang berakar umbi dalam menanam menggunakan teknik organik dan permakultur untuk mencipta ekosistem semula jadi yang lestari dan bebas bahan kimia.

Permakultur (*permanent culture*) yang bermaksud bekerja dengan alam semula jadi untuk membawa kesuburan kepada tanah dan menghasilkan tumbuhan daripada menggunakan input luaran sebanyak mungkin. Sistem dan amalan organik antarabangsa untuk memastikan kedua-dua produk yang berkualiti dan sihat.

Pada bulan Januari 2017, ladang berkenaan mula menyemai benih pertama di Mori Farm yang bertempat di Kampung Sinaut, Tutong dengan memfokuskan pada penggunaan *strain* tumbuhan tempatan, bermula dengan moringa.

Ladang tersebut akan sentiasa berusaha untuk menambah baik dengan kepelbagaian biologi yang terdapat di Pulau Borneo dengan mengikut piawaian kawalan kualiti yang ketat dan penjagaan optimum dan memastikan hanya herba serta kualiti yang terbaik.

Di samping menghasilkan serbuk moringa, terdapat juga produk lain yang ditanam di Mori Farm, antaranya Dill, Pudina, Oregano, Tarragon, Basil Thai, Serai, Rosella dan Ketumbar Panjang. Selain itu, sayur-sayuran yang hijau yang berkhasiat juga ditanam di ladang berkenaan termasuk Bayam Sissoo, Kangkong dan Bayam.

### Cabaran

Menurut Pengasas Mori Farm, pada awal mengusahakan ladang tersebut memang terdapat banyak cabaran yang dihadapi seperti bencana alam, perosak tanaman, penyakit dan kesuburan. Walaupun ada banyak cabaran yang tersebut, bagi petani di agrikultur, mereka mesti tahan dan berusaha untuk mengembangkan perniagaan dan menimba ilmu-ilmu yang penting untuk memajukan gaya pertanian mereka.

Contohnya, kesuburan sebenarnya merupakan cabaran utama yang perlu dihadapi, kerana di Mori Farm memilih untuk tidak menggunakan baja kimia atau ubat penyakit kimia. Untuk menyelesaikan cabaran tersebut katanya, mereka membuat baja kompos sendiri yang menggunakan hasil buangan organik dari sumber alam sekitar yang terdapat di ladang berkenaan.

Misalnya dengan mencampur cili dan bawang putih di dalam air untuk menghalau serangga. Dengan itu, mereka dapat memberi jaminan kepada para pelanggan bahawa produk yang dihasilkan di Mori Farm adalah sentiasa selamat dan berkualiti.

### Produk

Pada masa ini, di Mori Farm juga memperkenalkan set hadiah sebagai cenderahati, di dalam set tersebut terdapat set berlainan teh dan dua cawan kaca eksklusif Mori Farm. Selain itu, untuk hari-hari perayaan, Mori Farm biasanya menawarkan teh dan set edisi terhad seperti set teh yang dijual pada Hari Raya iaitu 'Cahaya Blend' yang mengandungi kelapa, moringa, gula melaka dan pandan.

Manakala, semua hasil tanaman hijau yang dihasilkan dari Mori Farm dijual di pasar raya tempatan iaitu di Supa Save, Hua Ho, Farm Gate, Soon Lee dan Warisan Utama Jaya. Beberapa kafe tempatan juga menggunakan produk mereka seperti Ximply Chriz, Two Sons dan Ricardos.

Untuk eksport, Mori Farm amat bertuah kerana menjadi sebahagian daripada beberapa program yang dijalankan oleh DARe untuk melakukan ujian produk di negara seperti Korea dan Jepun, dari sana mereka dapat banyak pengalaman untuk menambah baik produk dan sistem mereka. Oleh itu, mereka di Mori Farm berusaha keras agar dalam masa terdekat mereka dapat mengeksport dan bersaing dalam pasaran global.

### Perancangan

Dalam tempoh lima tahun mendatang, Mori Farm berharap untuk mempunyai lebih banyak produk dalam pasaran bagi membantu memenuhi permintaan makanan tempatan kerana kebanyakan barangan makanan yang diimport dan dalam masa yang sama untuk mencapai tahap untuk mencuba mengeksport produk dari Mori Farm ke pasaran antarabangsa.





# Pakej bantuan PKS, sosial

**Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland**
**Sumber : Brunei Darussalam Sustainable Development Goals Annual Report 2022**
**Foto : Jabatan Penerangan, Ihsan simplydeco.bn**

BAGI menyokong kestabilan perniagaan semasa pandemik, Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE) bagi pihak Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) yang dikenali ketika ini, Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) dan Persatuan Bank-Bank Brunei (BAB) mengumumkan langkah tambahan kepada langkah sementara yang diambil oleh Kerajaan Brunei dalam membantu pelbagai Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PKS) dan individu yang terjejas akibat pandemik COVID-19.

Langkah itu termasuk pakej bantuan ekonomi tambahan yang diperkenalkan pada 1 April 2020, berjumlah kira-kira BND250 juta dalam bentuk penangguhan pembayaran balik pokok atau pinjaman dan penepian yuran dan caj.

Langkah ini, digabungkan dengan bantuan fiskal yang diumumkan sebelum ini - seperti penangguhan sumbangan kumpulan Tabung Amanah Pekerja (TAP) dan skim Pencen Caruman Tambahan (SCP) dan meningkatkan kapasiti pekerja - termasuk produktiviti perniagaan, meningkatkan nilai pakej rangsangan ekonomi bagi Brunei Darussalam untuk COVID-19, kepada sejumlah BND450 juta.

Pakej yang diumumkan adalah boleh diguna pakai kepada semua sektor perniagaan di negara ini dan individu, termasuk mereka yang bekerja sendiri. Bantuan tambahan itu diharapkan dapat meringankan beban kewangan kepada perniagaan dan individu yang terjejas.

Pakej tersebut adalah (i) penangguhan pembayaran pokok pinjaman atau pembiayaan untuk semua sektor; (ii) menstruktur semula dan menangguhkan pembayaran balik pokok pinjaman peribadi dan kemudahan sewa beli seperti pinjaman kereta atau pembiayaan tidak melebihi 10 tahun; (iii) peruntukan penangguhan jumlah prinsipal atau pembiayaan untuk hartanah; (iv) menstruktur semula baki kad kredit tertunggak kepada pinjaman tidak melebihi tiga tahun untuk individu yang terlibat dalam sektor swasta sahaja termasuk yang bekerja sendiri; dan (v) semua yuran dan caj bank yang berkaitan dengan kemudahan yang disebutkan di atas, kecuali caj pihak ketiga, akan diketepikan.

### Skim Kebajikan Negara (SKN)

Sistem ini diperkenalkan untuk menyelaraskan proses bantuan sosial yang disediakan oleh pelbagai agensi di Negara Brunei Darussalam (NBD). Pihak kerajaan memperkenalkan Sistem Kebajikan Negara (SKN), pada Julai 2020, untuk menyelaraskan proses bantuan sosial yang disediakan oleh pelbagai agensi di NBD, seperti Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, dan Kementerian Pendidikan.

SKN dilancarkan bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan pemberian bantuan sosial di negara ini dan memastikan golongan yang benar-benar memerlukan dibantu dan tidak ketinggalan.

Semasa pandemik, ia juga digunakan dalam pemberian bantuan kewangan kepada mereka yang terjejas oleh COVID-19, iaitu pekerja yang diberhentikan, pekerja yang bercuti tanpa gaji selama lebih tujuh hari atau mengeluarkan perintah kuarantin, serta individu yang bekerja sendiri atau pekerja bebas.

Pekerja yang bujang yang layak menerima bantuan itu menerima BND250 sebulan, manakala pekerja yang sudah berkahwin menerima tambahan BND50 bagi setiap tanggungan, termasuk pasangan mereka dan sehingga empat anak berumur di bawah 18 tahun.

Bantuan ini adalah sebahagian daripada langkah tambahan kerajaan untuk membantu individu dan perniagaan yang bergelut di tengah-tengah sekatan koronavirus yang dilanjutkan.



# MEMBACA AL-QURAN MEMBERSIHKAN JASMANI, ROHANI



PENASIHAT AJKT Masjid Kampung Sungai Besar, Awang Haji Mohiddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman bergambar beramai pada Majlis Khatam Al-Quran bertempat Masjid Kampung Sungai Besar.

**Oleh : Haniza Abdul Latif**
**Foto : Ihsan Masjid Kampung Sungai Besar**

**KAMPUNG SUNGAI BESAR**, Sabtu, 8 Julai. - Al-Quran merupakan nikmat yang paling besar yang dikurniakan Allah Subhanahu Wata'ala, dan membaca secara rutin kalam Allah berkenaan setentunya menerima ganjaran pahala serta fadilat yang sangat besar termasuk mendapat syafaat, di samping diangkat darjat dan martabat para pembacanya.

Selain untuk mengimarahkan masjid, ahli jemaah subuh Masjid Kampung Sungai Besar secara istiqamah mengadakan ibadah bertadarus Al-Quran setiap selepas Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah untuk merebut ganjaran pahala dan keberkatan daripada kitab suci berkenaan.

Sebagai menyatakan rasa syukur selepas mengakhiri dan melengkapkan bacaan 30 juzuk Al-Quran, Ahli Jawatankuasa Takmir (AJKT) Masjid Kampung Sungai Besar mengadakan Majlis Khatam Al-Quran di masjid berkenaan, baru-baru ini.

Ketua Kampung Sungai Besar, Kampung Serdang dan Kampung Sungai Belukut, Leftenan Kolonel (B) Awang Haji Zaini bin Haji Damit melahirkan rasa bangga atas kesungguhan para jemaah untuk mengekalkan ibadah bertadarus yang sangat bermanfaat untuk diraikan di dunia dan di akhirat jua.

"Khidmat besar dari membaca Al-Quran juga dapat membersihkan jasmani dan rohani di samping memberikan ketenangan dalam kehidupan seharian," jelasnya yang juga selaku Setiausaha AJKT Masjid Kampung Sungai Besar.

Turut menyertai majlis berkenaan, Penasihat AJKT Masjid Kampung Sungai Besar, Awang Haji Mohiddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Majlis bermula dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai dan diteruskan dengan bacaan surah-surah lazim yang bermula daripada Surah Ad-Dhuha sehingga Surah An-Nas yang diketuai oleh Awang Abdul Rahim bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Tamin.

Bacaan Doa Selamat dibacakan oleh Imam Masjid Kampung Sungai Besar, Awang Muhammad Hazman bin Haji Mohd. Hairol Azme.

# Kes curi mendatangkan kecederaan

**Siaran Akhbar : Pasukan Polis Diraja Brunei**

**BERAKAS**, Sabtu, 8 Julai. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) melalui Unit Siasatan Khas, Jabatan Siasatan Jenayah telah berhasil menahan empat individu yang dipercayai terlibat dengan laporan kes jenayah dipercayai rompak secara berkumpulan yang berlaku di kawasan Kampung Sungai Hanching, Berakas, Daerah Brunei dan Muara.

Dalam kejadian yang berlaku pada sekitar waktu awal pagi 3 Julai 2023 itu, seorang warga asing yang merupakan mangsa kejadian telah membuat perundingan bersama seorang individu yang tidak dikenali melalui pengiklanan jual beli barang di aplikasi media sosial Facebook.

Adapun perundingan tersebut adalah bagi jual beli telefon bimbit yang dimiliki si penjual (suspek) dan seterusnya membuat temu janji bagi perundingan lanjut dibuat di rumah kediaman mangsa. Semasa berada di luar rumah mangsa, mangsa telah didatangi oleh tiga individu dipercayai si penjual telefon bimbit.

Selang seketika, perundingan jual beli telah gagal di mana mangsa tidak berpuas hati dengan telefon bimbit yang dijual kerana didapati ada sedikit kerosakan.

Mangsa yang tidak berhasrat untuk meneruskan pembelian, tiba-tiba telah diserang oleh seorang individu lain dipercayai dipukul di bahagian belakang kepala dengan benda yang keras mengakibatkan mangsa pengsan dan tidak sedarkan diri.

Setelah mangsa sedar, lalu menyedari bahawa sejumlah wang dan telefon bimbit miliknya telah hilang dipercayai dicuri semasa mangsa tidak sedarkan diri.

Berikutan dengan insiden berkenaan, mangsa segera melaporkan kejadian tersebut ke Balai Polis Berakas bagi tindakan siasatan dengan segera.

Berikutan dengan laporan kejadian tersebut, Unit Siasatan Khas, Jabatan Siasatan Jenayah telah dikerah bagi mengambil alih siasatan dan telah berjaya membuat penahanan ke atas empat suspek dipercayai mempunyai keterlibatan dengan insiden berkenaan.

Tiga suspek adalah lelaki warga tempatan dan seorang perempuan penduduk tetap berumur sekitar 21 hingga 44 tahun dan ketika ini ditahan bagi siasatan lanjut pihak polis.

Kes ini disiasat di bawah; B2 - Seksyen 324 Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22 iaitu dengan senghaja menyebabkan kecederaan dengan menggunakan senjata atau benda berbahaya. B3 - Seksyen 378 Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22 iaitu curi. B4 - Seksyen 411 Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22 iaitu secara tidak jujur menerima harta curi.

PPDB ingin mengingatkan dan menegaskan kepada orang ramai agar lebih berhati-hati dan pastikan keselamatan apabila membuat urusan jual beli melalui platform media sosial kerana ia mungkin sahaja perangkap yang akan mendatangkan kerugian.



BERITA GLOBAL

# REFORMASI TANAH TIDAK DAPAT DIHALANG

MANGUNJE (Zimbabwe), 9 Julai. - Presiden Zimbabwe Emmerson Mnangagwa pada Sabtu menegaskan bahawa pembaharuan tanah Zimbabwe, iaitu lebihan tanah ladang daripada petani kulit putih dan diberi kepada petani tanpa tanah bagi memperkasakan mereka dari segi ekonomi, tidak dapat disekat di bawah kepimpinannya.

Beliau berkata Barat menentang sekeras-kerasnya pembaharuan itu, dan mengenakan sekatan ekonomi terhadap negara itu. "Sekatan itu telah berkuat kuasa selama lebih dua dekad, dianggar mengakibatkan kerugian ekonomi lebih US$100 bilion, dan mendorong berjuta-juta orang untuk berhijrah ke pelbagai negara di seluruh dunia untuk mencari kehidupan yang lebih baik," kata Mnangagwa dipetik sebagai berkata oleh New Zian.

Di sebalik kesukaran disebabkan oleh sekatan, Mnangagwa berkata kerajaan tidak akan mengalah dan menghentikan reformasi tanah, sebaliknya melabur lebih banyak dalam bidang pertanian untuk memastikan keselamatan makanan domestik dan menjana eksport yang lebih besar dalam tempoh jangka sederhana hingga panjang.

"Ada individu yang berpendapat bahawa reformasi tanah kita akan dihentikan, dengan andaian bahawa ladang akan diberikan semula kepada orang kulit putih. Tiada apa-apa perkara seperti itu akan berlaku selagi ZANU PF masih berkuasa. "Sekatan tidak akan menghalang kita daripada membina negara kita. Sumber yang diberikan Tuhan ditambah dengan kerja keras akan mengembangkan ekonomi kita," katanya.

Presiden menekankan pencapaian penting yang dibawa oleh reformasi tanah, termasuk sara diri dalam pengeluaran gandum, satu peristiwa penting yang mengubah Zimbabwe daripada pengimport gandum bersih kepada negara yang berdikari.

Hasilnya, kerajaan kini sedang meneroka peluang untuk memasuki pasaran eksport gandum.

Pengeluaran tembakau, satu lagi sektor yang berkembang maju di bawah inisiatif terbabit, telah mencapai pengeluaran hampir 300 juta kilogram tahun ini.

Ia menjadi eksport kedua terbesar negara selepas emas dan memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi Zimbabwe.

Presiden Mnangagwa seterusnya menggariskan komitmen kerajaan untuk memberi tumpuan kepada pembangunan subsektor pertanian lain, khususnya ternakan, sambil menambah bahawa pelbagai skim pinjaman telah dilaksanakan untuk mengagihkan lembu, kambing, dan ayam terutamanya kepada masyarakat yang ditempatkan semula.

"Kerajaan juga menyasarkan untuk meningkatkan hasil ternakan lembu daripada lima juta kepada lebih enam juta dengan menyediakan vaksin haiwan percuma dan menyambung semula eksport daging lembu," katanya.

Dalam visinya, kerajaan menyasarkan untuk mengubah sektor pertanian menjadi industri bernilai US$8 bilion dalam beberapa tahun akan datang, terutamanya didorong oleh eksport komoditi pertanian yang pelbagai. - ©BERNAMA

# Turkiye rancang 750 penggalian arkeologi, projek penyelidikan hingga akhir tahun

ANKARA, 9 Julai. - Turkiye menyasarkan sekitar 750 aktiviti penggalian dan kajian arkeologi di negara itu menjelang akhir 2023, menurut Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan pada Sabtu.

Wilayah tengah Konya iaitu kawasan Gokhoyuk akan dijadikan sebagai lokasi penggalian arkeologi baharu peninggalan prasejarah dan purba dari Neolitik hingga Zaman Besi, yang akan bermula beberapa hari akan datang.

Penggalian yang dihentikan di bandar purba Sobesos di daerah Urgup wilayah Nevsehir juga akan disambung semula tahun ini, lapor Agensi Anadolu.

Kerja-kerja pemulihan akan diteruskan di kawasan seperti Laodicea dan Tripolis di wilayah Denizli; Olympos, Patara, Perge, dan wilayah Antalya; Stratonikeia, Euromos, Knidos dan Istana Becin di wilayah Mugla dan Istana Silifke serta Uzuncaburc di Mersin.

Projek Penyelidikan Zaman Neolitik yang dimulakan sebagai sebahagian daripada Projek Tastepeler di wilayah Sanliurfa membabitkan di 12 kawasan, akan diteruskan dengan penyertaan saintis dari pelbagai negara.

Sebagai tambahan kepada aktiviti ekskavasi di bandar purba, pemulihan akan dijalankan serentak bagi memulihkan bandar. - ©BERNAMA

# Kerajaan campuran tumbang, Perdana Menteri Belanda letak jawatan

**LONDON,** 8 Julai. - Perdana Menteri Belanda Mark Rutte mengumumkan peletakan jawatannya pada Jumaat selepas kerajaan gabungan empat parti tumbang akibat perselisihan faham mengenai dasar imigresen, lapor Agensi Anadolu.

Keputusan Perdana Menteri Belanda yang paling lama berkhidmat untuk berundur dibuat selepas kejatuhan gabungan parti pemerintah yang gagal mencapai persetujuan tentang cara menangani pencari suaka yang memasuki negara itu.

Selepas berhari-hari rundingan antara anggota Kabinet utama yang diketuai oleh Rutte, satu perjanjian tidak dapat dicapai dan pakatan pemerintah tumbang, lapor NL Times sebelum ini, memetik sumber.

Kejatuhan kerajaan gabungan itu menamatkan penggal keempat Kabinet Rutte yang mengangkat sumpah pada 10 Januari 2022. - ©BERNAMA

# Sekurang-kurangnya 3 maut, 10 hilang bangunan runtuh di Brazil

**BRASILIA,** 8 Julai. - Sekurang-kurangnya tiga orang terbunuh manakala 10 lagi hilang, termasuk kanak-kanak selepas sebuah bangunan di bandar Recife, Brazil runtuh pada Jumaat, lapor Xinhua memetik Jabatan Pertahanan Awam dan Bomba.

Mayat lelaki, wanita dan remaja itu dijumpai di bawah runtuhan, manakala dua lagi mangsa masing-masing wanita berusia 65 tahun dan remaja 15 tahun berjaya diselamatkan.

Menurut laporan Jabatan Bomba, kejadian berlaku kira-kira pukul 6 pagi waktu tempatan, apabila satu daripada blok bangunan itu runtuh, manakala sebahagian struktur sebuah lagi bangunan hampir roboh.

Kawasan Metropolitan Recife terjejas akibat hujan lebat sejak malam Khamis, menyukarkan pihak bomba menjalankan misi mencari dan menyelamat untuk mengesan mangsa yang hilang. - ©BERNAMA

# Negara IMO setuju matlamat pelepasan sifar bersih menjelang 2050

**WASHINGTON,** 8 Julai. - Negara Pertubuhan Maritim Antarabangsa (IMO) pada Jumaat meluluskan strategi pelepasan gas rumah hijau baharu untuk perkapalan yang menetapkan sasaran pelepasan sifar bersih pada kira-kira pertengahan abad ini.

Kesemua 175 negara bersetuju untuk mencapai pelepasan sifar bersih menjelang atau hampir 2050, dengan mengambil kira keadaan negara yang berbeza, menurut United Press International (UPI).

Setiausaha Agung IMO Kitack Lim berkata strategi baharu itu merupakan satu perkembangan yang monumental.

"Pada masa sama, ia bukan matlamat akhir, ia dalam banyak cara ialah titik permulaan untuk kerja yang perlu dipergiatkan lagi sepanjang tahun dan dekad di hadapan kita.

"Bagaimanapun, dengan Strategi Semakan yang telah anda persetujui sekarang, kami mempunyai hala tuju yang jelas, visi yang sama dan sasaran yang bercita-cita tinggi untuk membimbing kami menyampaikan apa yang dunia jangkakan daripada kami," menurut Lim dalam satu kenyataan.

Khususnya, negara-negara bersetuju untuk mengukuhkan keperluan reka bentuk kecekapan tenaga untuk kapal, mengurangkan pelepasan setiap pengangkutan dan meningkatkan penggunaan teknologi sifar pelepasan.

Pelan itu dijangka mengurangkan jumlah pelepasan daripada penghantaran sekurang-kurangnya 20 peratus menjelang 2030, dan sekurang-kurangnya 70 peratus menjelang 2040. - ©BERNAMA

# Anggota Demokrat kecam keputusan Biden bekal bom berangkai ke Ukraine

**WASHINGTON**, 8 Julai. - Sekumpulan anggota Demokrat mengecam keputusan Presiden Amerika Syarikat (AS) Joe Biden pada Jumaat untuk membekalkan bom berangkai kepada Ukraine kerana ia "melemahkan" kuasa moral Washington, lapor Agensi Anadolu.

"Keputusan pentadbiran Biden untuk menghantar bom berangkai ke Ukraine adalah tidak perlu dan satu kesilapan besar," menurut ketua Demokrat dalam jawatankuasa kecil Pertahanan Peruntukan Dewan Perwakilan, Betty McCollum, dalam satu kenyataan.

"Membenarkan legasi bom berangkai AS ke medan perang di Ukraine menjejaskan kuasa moral kami dan meletakkan AS dalam kedudukan yang secara langsung bertentangan dengan 23 sekutu NATO kami yang menyertai Konvensyen mengenai Bom Berangkai," tambah ahli kongres Minnesota itu.

Barbara Lee dari negeri California berkata Ahli Parlimen telah menulis kepada presiden akan keperluan untuk menghentikan penggunaan bom berangkai.

Sementara itu, veteran tentera udara AS, Chrissy Houlahan dalam ciapannya berkata beliau menentang keras keputusan pentadbiran untuk membekalkan Ukraine dengan bom berangkai kerana berpotensi mencederakan orang awam bertahun-tahun selepas konflik berakhir.

Bagi Jim McGovern dari Massachusetts, beliau akan terus "menyokong kuat" usaha kerajaan membantu Ukraine menentang Rusia tetapi menegaskan "bom berangkai tidak akan membantu". - ©BERNAMA

# PBB gesa lebih banyak pembiayaan untuk bantu Palestin

**NEW YORK,** 8 Julai. - Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menggesa negara anggota meningkatkan pembiayaan dana untuk membantu lebih dua juta rakyat Palestin, memandangkan terdapat keperluan mendesak, selepas serangan Israel ke atas kem pelarian di wilayah yang diduduki di bandar Jenin di Tebing Barat, lapor Agensi Anadolu.

"Disebabkan kerosakan infrastruktur yang ketara, keseluruhan kem itu terputus bekalan air dan beberapa penduduk hilang tempat tinggal," kata timbalan jurucakap PBB Farhan Haq kepada pemberita pada Jumaat.

Beliau berkata PBB akan mengutamakan untuk membaiki sistem rangkaian air dan pembetung dalam beberapa hari akan datang, selain mengagihkan bekalan makanan dan bantuan tunai serta sokongan psikososial, terutama kepada kanak-kanak.

Beliau berkata langkah untuk mengurangkan risiko bahan letupan yang tidak meletup juga amat kritikal.

"Untuk menyokong usaha ini, kami menggesa negara anggota untuk meningkatkan pembiayaan mereka untuk tindak balas kemanusiaan," katanya.

Pelan tindak balas kemanusiaan PBB untuk wilayah Palestin yang diduduki hanya mendapat pembiayaan sebanyak 20 peratus.

Sementara itu, Penyelaras Kemanusiaan bagi Wilayah Palestin yang Diduduki, Lynn Hastings, turut memberikan taklimat kepada Majlis Keselamatan mengenai situasi di Jenin baru-baru ini.

Majlis 15 anggota itu mengadakan rundingan pada Jumaat untuk membincangkan serangan Israel ke atas Jenin.

Tentera Israel berundur dari Jenin pada awal Rabu, menamatkan operasi ketenteraan terbesarnya di bandar itu dalam tempoh lebih 20 tahun.

Sekurang-kurangnya 12 rakyat Palestin terbunuh, termasuk lima kanak-kanak dan lebih 140 cedera, menurut Kementerian Kesihatan Palestin.

Serangan yang bermula pada Isnin itu turut menyebabkan kemusnahan di seluruh bandar di Tebing Barat, dengan berpuluh-puluh rumah, kenderaan, kedai dan utiliti musnah. - ©BERNAMA

PELITA BRUNEI
SUKAN

ePaper Pelita Brunei

# LEBIH 500 SERTAI WALKATON PGGMB



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan ketika membuat pemanasan badan bersama para hadirin yang lain (kiri). Sementara gambar kanan, antara yang menyertai walkaton berkenaan.

**Oleh : Aimi Sani**
**Foto : Ak. Aminol Adi Azraie Pg. Nikman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 9 Julai. - Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) melalui Sekolah PGGMB Sungai Akar pagi tadi menganjurkan acara Walkaton 2023 di Taman Rekreasi Jalan Menteri Besar.

Lebih 500 peserta yang terdiri daripada murid-murid, guru-guru, ibu bapa penjaga serta warga Sekolah PGGMB, iaitu Sekolah PGGMB Sungai Akar; Sekolah Tunas Jaya PGGMB Lambak; Sekolah Tunas Jaya PGGMB Madang; dan Sekolah Tunas Jaya PGGMB Kuala Belait menyertai acara walkaton berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat, Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman.

Terdahulu, Pengerusi Acara Walkaton PGGMB 2023, Haji Ali @ Mustapha bin Haji dalam ucapan alu-aluannya berkata antara tujuan utama walkaton berkenaan dianjurkan adalah bagi mengeratkan silaturahim dalam kalangan guru-guru, kakitangan, murid-murid serta ibu bapa dan penjaga melalui aktiviti riadah selain membudayakan gaya hidup sihat serta mengadakan kutipan bagi membeli peralatan dan kelengkapan sekolah seperti alat bantu mengajar, melaksanakan program dan aktiviti lawatan sambil belajar bagi memberi pendedahan, pengalaman, pengetahuan kepada para pelajar.

Sehubungan itu ujarnya lagi, adalah diharapkan dengan kutipan yang diperoleh itu nanti akan dapat membantu sekolah-sekolah PGGMB merancang, melaksana, menilai pelbagai program dan aktiviti sekolah secara meluas dalam ruang lingkup bidang akademik, kokurikulum, perkembangan staf dan lawatan sambil belajar.

Acara kemudian diteruskan dengan sesi pemanasan badan diikuti dengan pelepasan walkaton sejauh 1.5 kilometer oleh tetamu kehormat majlis.

# DPMM FC, Albirex Niigata FC (S) kongsi 1 mata

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said, Tangkap Layar YouTube Singapore Premier League**

SINGAPORE PREMIER LEAGUE

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 8 Julai. - Harapan Brunei DPMM FC untuk meraih 3 mata penuh tidak kesampaian apabila terpaksa berkongsi 1 mata dengan Albirex Niigata FC (S) pada saingan perlawanan Liga Perdana Singapura (SPL), yang berkesudahan seri 1-1.

Pada perlawanan yang diadakan di Stadium Jalan Besar, Singapura malam tadi, Abdul Azizi Ali Rahman muncul wira bagi Brunei DPMM FC setelah menghadiahkan gol tunggal pada minit ke-30.

Kedua-dua pasukan lebih awal bersaing dengan berhati-hati dan masing-masing berusaha mencari ruang untuk membolosi gawang lawan namun pasukan Brunei DPMM FC bijak mengubah rentak permainan sehinggalah mencipta gol pembukaan.

Ketinggalan 0-1, Albirex Niigata FC (S) di bawah kendalian Kazuaki Yoshinaga, menggandakan usahanya untuk menyamakan kedudukan namun benteng pertahanan kuat Brunei DPMM FC gagal dibolosi dan kedudukan kekal sehingga wisel separuh masa pertama dibunyikan.

Perlawanan semakin rancak pada babak kedua apabila kedua pasukan mula bertindak ganas dengan bertindak berbalas serangan.

Selang 5 minit memasuki babak kedua perlawanan, Albirex Niigata FC (S) yang bermain dengan semangat baharu, berjaya merapatkan kedudukan menjadikan 1-1 menerusi Keito Komatsu pada minit ke-50.

Penjaga gawang import Brunei DPMM FC, Kristijan Naumovski harus diberikan pujian apabila mempamerkan permainan cemerlang apabila kerap kali menggagalkan percubaan masuk bola pihak lawan ke gawang pasukannya.

Albirex Niigata FC (S) terus menguasai permainan dengan beberapa kali percubaan dilakukan untuk menambah jaringan dan memberikan tekanan kepada pasukan Brunei DPMM FC.



AKSI perlawanan di antara Brunei DPMM FC menentang Albirex Niigata FC (S) pada Liga Perdana Singapura (SPL).

Masa tambahan gagal dimanfaatkan kedua-dua pasukan untuk menambah jaringan dan kedudukan kekal seri 1-1 sehingga wisel penamat dibunyikan.

Keputusan tersebut menyaksikan pasukan Albirex Niigata FC (S) kekal menerajui tangga pertama liga dengan 41 mata manakala pasukan Brunei DPMM FC naik satu anak tangga di kedudukan ke-7 dengan 15 mata mengatasi Tanjong Pagar United dan Young Lions.

Perlawanan Brunei DPMM FC seterusnya adalah bertemu Lion City Sailor pada 11 Julai ini bertempat di Stadium Bishan, Singapura.